

BAB TIGA

HIBAH DAN PEMAKAIANNYA DI MALAYSIA

3.1. Pengenalan

Kebiasaannya hibah (pemberian) dibuat dengan tujuan untuk menghargai atau memuliakan seseorang, dan pemberian itu boleh memupuk rasa kasih sayang antara pemberi dan penerima. Bahkan hibah merupakan salah satu mekanisme atau kaedah pengurusan harta yang digalakkan dalam agama Islam. Pada masa lalu pemberian hibah lazimnya dibuat secara lisan sahaja. Sejarar dengan perkembangan semasa, pada masa kini amalan hibah kemudiannya berubah kepada bentuk dokumentasi yang dipelopori oleh syarikat-syarikat perancangan harta. Perubahan ini berlaku seiring dengan cetusan daya cipta dan inovasi terhadap hibah sebagai mekanisme perancangan dan pengurusan harta orang Islam apabila industri tersebut berjaya menawarkan pelbagai produk yang berkonsepkan akad hibah. Sehubungan dengan itu penentuan bidang kuasa mahkamah syariah untuk memutuskan kesahan hibah amatlah penting kerana Hakim Bicara akan mengendalikan kes berdasarkan bidang kuasa mengikut jenis kes. Rantalan daripada perkara ini, bab ini akan membahaskan persoalan-persoalan berkaitan dengan hibah berdasarkan hukum syarak dan pemakaiannya di Malaysia pada masa kini.

3.2. Konsep Hibah menurut Fiqh dan Perundangan

Hibah merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja “*wahaba*” yang bermaksud pemberian tanpa balasan³⁵⁵ atau *tabarrū*.³⁵⁶ *Kamus Dewan*³⁵⁷ telah

³⁵⁵ Al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad. n.d. *Al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Qāhiraḥ: Dār al-Ma’arif. p. 273.

³⁵⁶ Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Sharīf. n.d. *Mu’jam al-Ta’rīfā*. Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī. (ed.). Qāhiraḥ: Dār al-Faḍīlaḥ. p. 214.

³⁵⁷ n.a. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP. p. 530.

mentakrifkan hibah atau hibbah sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik. Perkataan “menghibahkan” membawa maksud sebagai memberi (pada masa si penghibah masih hidup). Elemen pemindahan hak milik tanpa sebarang balasan dan sukarela inilah yang membezakan hibah dengan jual beli kerana jual beli merupakan proses pemindahan hak milik untuk sesuatu tujuan atau gantian.³⁵⁸ Mazhab Syafii berpendapat hibah merupakan pemberian milik ‘*aīn* harta tanpa balasan ketika hidup secara sukarela.³⁵⁹

Selanjutnya, menurut istilah syarak hibah ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan. Manakala maksud hibah secara lebih khusus ialah suatu akad pemberian milik ‘*aīn* harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan semasa hidup secara sukarela; bukan mengharapkan pahala di akhirat tetapi untuk memuliakan seseorang; dan terdapat penggunaan lafaz *ījāb* dan *qabūl* atau seumpamanya.³⁶⁰ Fuqaha Mazhab Syafii pula melihat daripada dua perspektif iaitu dari perspektif umum bermaksud suatu pemberian yang merangkumi hadiah, sedekah dan *ibrā’*. Manakala perspektif khusus pula, hibah bermaksud pemberian suatu milikan oleh seseorang kepada yang lain tanpa balasan yang tertakluk kepada rukun-rukun tertentu.³⁶¹

Ada juga fuqaha Mazhab Syafii yang mentakrifkan hibah sebagai suatu akad pindah milik sesuatu barang secara sukarela semasa hidup.³⁶² Pengkaji mendapati walaupun fuqaha

³⁵⁸ Mohammad Ehsan Ahmad Sokri, Mohd Nasir Ali, Ahmad Syafiq Mat Razali & Mohd Faez Ilias. 2016. “Pengurusan Harta Hibah Semasa Hidup Sebagai Alternatif Pembangunan Ekonomi Umat Islam”. *International Seminar on Tarbiyah 2016 (ISoT2016)*. Universitas Pendidikan Indonesia. Bandung. Indonesia. 26-29 Mei. p. 6.

³⁵⁹ Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1994. *Mughnī al-Muhtāj ila Ma ‘rifat Ma ‘anī Alfāz al-Minhāj*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 3. p. 559. Lihat juga Mustafa Khin et al. 2006. *Al-Fiqh al-Manhājī ‘Ala Madhāhib al-Imām al-Syafi’īy*. Damsyiq: Dār al-Qalam. Vol. 3. p. 101.

³⁶⁰ Muhammad Rawwas Qal’ah Ji. 1985. *Mu’jam Lughat al-Fuqaha’*. Beirūt: Dār al-Nafā’is. p. 492.

³⁶¹ Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini. n.d. *Mughnī al-Muhtāj*. Beirūt: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī. Vol. 4. p. 62.

³⁶² Al-Ansari, Abi Yahya Zakariyya. n.d. *Fath al-Wahhāb*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 1. p. 259.

telah mentakrifkan hibah dari sudut istilah dengan pelbagai lafaz namun kesemua lafaz tersebut hanya berkisar pada satu makna utama iaitu, pemberian atau pemindahan hak milik hartanya oleh seseorang kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan.³⁶³

Dari segi pelaksanaan hibah, hanya negeri Kelantan sahaja setakat ini yang telah mempunyai undang-undang hibah yang khusus di Malaysia. Terdapat beberapa definisi yang telah diperuntukkan dalam enakmen beberapa negeri. Di negeri Kelantan hibah ditakrifkan sebagai, “Pemberian atau pindah milik harta oleh seseorang secara sukarela semasa hayatnya tanpa balasan kepada sesiapa yang dikehendakinya melalui *sīghat* dan didaftarkan di bawah Enakmen ini.”³⁶⁴ Walaupun kebanyakan negeri masih belum mempunyai undang-undang hibah yang khusus, namun Mahkamah Syariah menggunakan peruntukan umum yang diperuntukkan di dalam akta/enakmen/ordinan Mahkamah Syariah atau pentadbiran Islam atau Pentadbiran undang-undang Islam negeri-negeri apabila pertikaian berkaitan hibah dibawa ke mahkamah untuk diputuskan.

Walaubagaimanapun, terdapat undang-undang di negeri-negeri di Malaysia telah memberi tafsiran terhadap hibah itu sendiri walaupun belum mempunyai undang-undang hibah yang khusus. Di Perak, “hibah” diertikan sebagai, “Sesuatu pemberian yang diberikan oleh seseorang semasa hayatnya tanpa apa-apa balasan menurut Hukum Syarak.”³⁶⁵ Sementara negeri Terengganu pula mengertikan hibah sebagai, “Sesuatu pemberian yang diberikan oleh seseorang semasa hayatnya tanpa apa-apa balasan atau ganti rugi yang boleh dinikmati manfaat hartanya mengikut Hukum Syarak.”³⁶⁶ Manakala negeri Selangor

³⁶³ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf. 2005. *Minhāj al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muftīn*. Muḥammad Muḥammad Tahir Sha‘bān. (ed.). Beirūt: Dār al-Minhāj. p. 324.

³⁶⁴ Dewan Undangan Negeri Kelantan. 2002. *Enakmen Hibah (Kelantan) 2002 (Enak. No. 17 Tahun 2022)*. Seksyen 2.

³⁶⁵ Dewan Undangan Negeri Perak. 2015. *Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (Enak. No. 9 Tahun 2015)*. Seksyen 2.

³⁶⁶ Dewan Undangan Negeri Terengganu. 2016. *Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enak. No. 1 Tahun 2016)*. Seksyen 2.

memperuntukkan hibah sebagai, “Sesuatu akad dengan rela hati yang mengandungi penyerahan dan pemindahan hak milik apa-apa harta seseorang kepada orang lain semasa hidupnya tanpa balasan atau ganti rugi yang boleh dinikmati manfaat hartanya mengikut Hukum Syarak.”³⁶⁷

Berdasarkan takrifan-takrifan ini, pengkaji memilih tafsiran yang dijelaskan oleh Mohd Zamro Muda, iaitu sebagai akad pemberian milik *‘aīn* harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan, semasa hidup, secara sukarela, menggunakan lafaz *ījāb* dan *qabūl* sama ada secara mutlak mahupun secara bersyarat menurut hukum syarak.³⁶⁸ Hal ini kerana tafsiran yang diberi oleh undang-undang tersebut dilihat tidak menyeluruh berbanding tafsiran yang diberikan oleh Mohd Zamro Muda dan ia lebih sesuai dengan pemakaian hibah pada masa kini telah berkembang pesat sebagai kaedah perancangan harta semasa hidup.

3.3. Dalil-dalil Pensyariatan Hibah

Apabila kita membincangkan dalil keharusan hibah, terdapat beberapa ayat dalam al-Qur’an mahupun Hadis yang boleh dijadikan sandaran kepada pensyariatan hibah. Antara dalil daripada al-Qur’an yang menganjurkan hibah ialah firman Allah SWT yang berbunyi:

وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبَّنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.”³⁶⁹

(Al-Qur’an. al-Nisa’ 4: 4)

³⁶⁷ Dewan Negeri Selangor. 2015. *Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enak. No. 15 Tahun 2015)*. Seksyen 2.

³⁶⁸ Mohd Zamro Muda. 2009. “Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia”. *Jurnal Muamalat*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM. Vol. 2. p. 1.

³⁶⁹ Al-Qur’an. Surah al-Nisa’ 4: 4.

Jumhūr fuqaha menyatakan bahawa ayat ini menjadi dalil kepada hukum pemberian oleh seorang isteri daripada sebahagian maharnya kepada suaminya adalah harus. Keharusan suami mengambil pemberian daripada isterinya melalui hibah merupakan dalil kepada keharusan hibah.³⁷⁰ Selain daripada ayat 4 Surah Al-Nisa', Allah SWT juga berfirman:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.”³⁷¹

(Al-Qur'an. al-Nisa' 4: 86)

Ayat ini merupakan keadaan yang bertimbal balik antara dua pihak yang terlibat dalam satu situasi. Ia menjelaskan bahawa sesiapa yang menerima sebarang atau sesuatu pemberian adalah diminta untuk membalas pemberian tersebut, dan individu penerima yang hendak membalas itu boleh memilih sama ada membalasnya dengan nilai yang sama seperti apa yang diterimanya, atau membalas dengan nilai yang lebih tinggi daripada apa yang diterimanya. Ulama Mazhab Hanafi berpendapat bahawa *al-tahiyyat* dalam ayat di atas membawa maksud sebagai hadiah.³⁷² Walaupun demikian terdapat ahli tafsir yang menyatakan bahawa perkataan *al-tahiyyat* dalam ayat tersebut boleh diertikan sebagai hibah yang dilakukan bagi mendapat ganjaran.³⁷³ Selain daripada al-Qur'an, keharusan melakukan hibah turut dinyatakan melalui Hadis-Hadis Rasulullah SAW yang menceritakan kebaikan serta kelebihan amalan hibah, dan Baginda SAW juga meminta

³⁷⁰ Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah al-Ansari. 2002. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Qāhirat: Dār al-Ḥadīth. Vol. 5. p. 27.

³⁷¹ Al-Qur'an. Surah al-Nisa' 4: 86.

³⁷² Ibn al-'Arabi, Abu Bakar Muhammad. 1996. *Ahkām al-Qur'ān*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 1. p. 590.

³⁷³ Al-Qurtubi, Abu Abd Allah al-Ansari. 2002. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Qāhirat: Dār al-Ḥadīth. Vol. 5. p. 261-262.

umat Islam untuk meraikan hibah yang dilakukan oleh seseorang. Antaranya sebuah Hadis yang berbunyi:

عن أبي هريرة رضي الله عنه: عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: يا نساء المسلمين لا تحقرن جارة لجاتها ولو فرسن شاة

“Daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda, ‘Wahai kaum muslimat, janganlah seorang jiran wanita merendah-rendahkan pemberian jirannya yang lain, walaupun pemberian itu berupa kaki kambing.’³⁷⁴

Berdasarkan Hadis ini, Rasulullah SAW melarang kaum wanita daripada meremehkan pemberian seseorang walaupun sekadar kaki kambing. Hal yang demikian menunjukkan bahawa melakukan hibah itu sendiri merupakan satu perbuatan yang mulia walaupun ia hanya pemberian yang bernilai atau bersaiz kecil. Selain itu, Rasulullah SAW turut bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه: عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: تهادوا تحابوا

“Daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda, ‘Saling berhadiahlah kamu (memberi hadiah), nescaya kamu akan saling sayang menyayangi.’³⁷⁵

Hukum sunat tidak hanya terhad kepada perbuatan memberi hibah sahaja bahkan turut merangkumi perbuatan menerima hibah selagi barang yang diberi itu tidak termasuk dalam kategori benda-benda yang haram. Bahkan Rasulullah SAW sendiri turut menerima hibah daripada kalangan orang bukan Islam. Seiring dengan hal ini Rasulullah SAW turut mengeluarkan perintah terhadap orang-orang Islam untuk menerima hibah daripada kalangan bukan Islam bagi menunjukkan hukum menerima hibah adalah harus.³⁷⁶

³⁷⁴ Al-Nawawī, Abi Zakariya Mahy al-Din. 2003. *Ṣaḥīḥ Muṣṭafā bi Syarḥ al-Nawāwī*. Qāhira: Dār al-Manār. Vol. 4. p. 97.

³⁷⁵ Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Hajar. 1979. *Talkhīṣ al-Ḥabir*. Qāhira: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyat. Vol. 3. p. 80.

³⁷⁶ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Johor: Penerbit UTM Press. p. 14.

Kenyataan ini dikuatkan dengan sabda Rasulullah SAW dalam dua buah Hadis yang berbunyi seperti berikut:

عن أبي هريرة رضي الله عنه: عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لو دعيت إلى ذراع أو كراع لأجبت ولو أهدي إلي ذراع أو كراع لقلت.

“Daripada Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda, ‘Sekiranya aku dipanggil untuk makan peha kambing atau kakinya, pasti akan aku perkenankan, dan sekiranya aku diberi hadiah peha kambing atau kakinya, pasti aku menerimanya.’”

عن عائشة رضي الله عنها قالت كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يقبل الهدية ويثيب عليها.

“Daripada Aishah RA bahawa beliau telah berkata, ‘Nabi SAW menerima hadiah dan membalasnya.’”³⁷⁷

3.4. Rukun-rukun Hibah dan Syarat-syaratnya

Hibah merupakan satu akad sukarela yang bersifat kontrak maka keabsahannya hendaklah dengan memenuhi kesemua rukun dan syarat yang ditetapkan. Penetapan ini bertujuan untuk membezakan antara hibah, sedekah dan hadiah yang ketiga-tiga instrumen ini mengandungi elemen *tabarrū*.³⁷⁸ Mazhab Hanafi berpendapat rukun hibah hanyalah terdiri daripada *ijāb* daripada pemberi sahaja, manakala *qabūl* pula ialah syarat bagi sempurnanya pemindahan hak milik kepada penerima mengikut pandangan Mazhab Hanafi.³⁷⁹

³⁷⁷ Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Hajar. 1979. *Talkhīṣ al-Ḥabir*. Qāhira: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyat. Vol. 3. p. 241-254.

³⁷⁸ Sayyid Sabiq. 1998. *Fiqh al-Sunnat*. Beirūt: Dār al-Fikr li al-Ṭabā‘at wa al-Nasyr wa al-Tawzi’. Vol. 3. p. 346.

³⁷⁹ Nizām et al. 2000. *Al-Fatāwā al-Hindiyyah*. ‘Abd al-Laṭif Ḥasan ‘Abd al-Raḥmān. (ed.). Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 4. p. 417. Sebahagian fuqaha Ḥanafī yang lain menyatakan rukun hibah ialah *ṣiḥat* yang termasuk di dalamnya kedua-dua *ijāb* dan *qabūl*, namun pendapat pertama adalah lebih *ṣaḥiḥ*. Lihat Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar. 2003. *Hāsyiat Ibn ‘Ābidīn; Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār Syarḥ Tanwīr al-Abṣār*. ‘Adil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd & ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad. (ed.). Riyaḍ: Dār ‘Ālam al-Kutūb. Vol. 8. p. 490.

Manakala *jumhūr* fuqaha yang terdiri daripada fuqaha Mazhab Maliki,³⁸⁰ Syafii³⁸¹ dan Hanbali³⁸² menyebut bahawa rukun hibah terdiri daripada pemberi hibah serta penerima hibah; berlaku akad terhadap barang yang dihibahkan; dan sebab yang memindahkan iaitu *sīghat* (*ījāb* dan *qabūl*). Dalam hal ini, sekalipun para fuqaha berbeza pandangan dalam meletakkan elemen-elemen tertentu sebagai rukun atau syarat, namun mereka bersepakat bahawa setiap elemen yang disebut di atas mempunyai syarat-syarat yang tersendiri. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi akad hibah yang sah iaitu syarat bagi pemberi hibah (*al-wāhib*); syarat bagi penerima hibah (*al-mawhūb lahu*); syarat bagi benda yang dihibahkan (*al-mawhūb*); dan syarat bagi *sīghat*.

3.4.1. Pemberi Hibah

Pemberi hibah hendaklah seorang yang mempunyai keahlian untuk bertasarruf dan bertabarru'. Seterusnya, pemberi hibah hendaklah berakal, baligh, merdeka dan merupakan pemilik sempurna kepada barang yang dihibah. Sehubungan dengan perkara ini juga pemberi hibah bukanlah seorang yang dipaksa untuk melakukan hibah. Berkenaan dengan harta yang hendak dihibah pula, harta tersebut bukan berada dalam status hutang, atau harta itu ditahan (*mahjūr alaīh*) semasa hibah dilaksanakan. Selain daripada syarat-syarat ini, syarat seterusnya ialah pemberi hibah bukanlah seseorang yang mengalami *maraḍ al-maut*.³⁸³

³⁸⁰ Al-Qarāfi, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. 1994. *Al-Dhakhīraṭ*. Sa'īd A'rāb. (ed.). Beirūt: Dār al-Gharb al-Islāmī. Vol. 6. p. 223-228.

³⁸¹ Al-Sharbīnī, Muhammad bin Muhammad al-Khatīb. 1994. *Mughnī al-Muhtāj ila Ma'rifaṭ Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 3. p. 512.

³⁸² Al-Ḥajjāwī, Sharaf al-Dīn Mūsā bin Aḥmad bin Mūsā Abū al-Najā. 2002. *Al-Iqnā' li Ṭālib al-Intifā'*. 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī. (ed.). n.pl: Dār al-Malik 'Abd al-'Azīz. Vol. 3. p. 101-102.

³⁸³ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Johor: Penerbit UTM Press. p. 54.

Para ulama berselisih faham berkaitan dengan kedudukan orang *safih*³⁸⁴ melaksanakan hibah. Abu Zahrah menyatakan bahawa larangan ke atas *safih* tersebut hanya boleh diputuskan berdasarkan penilaian mahkamah.³⁸⁵ Dalam hal ini Imam Abu Hanifah berpandangan seorang *safih* harus melakukan hibah walaupun tindakan tersebut dianggap sebagai pembaziran, dengan alasan orang yang *safih* masih tergolong dalam golongan orang yang berakal.³⁸⁶ Pandangan Imam Abu Hanifah ini berbeza dengan pandangan *jumhūr* yang menyatakan hibah yang dilakukan *safih* adalah tidak sah.³⁸⁷ Pengkaji memilih pandangan *jumhūr* dalam isu ini dan berpandangan bahawa seorang *safih* tidak harus melakukan hibah. Hal ini kerana walaupun seorang *safih* itu mungkin berakal namun belum tentu akal nya sempurna dan tindakannya itu boleh dipertikaikan kesahannya. Bahkan tindakan tersebut boleh merugikan dirinya sendiri dan melakukan pembaziran yang ditegah daripada melakukannya dan dielakkan.

3.4.2. Penerima Hibah

Syarat bagi penerima hibah adalah sama sebagaimana syarat pemberi hibah iaitu penerima hibah perlu mempunyai keahlian untuk bertasaruf. Syarat yang diletakkan ini bertujuan untuk memastikan penerima hibah atau walinya boleh melakukan penerimaan dan mengambil pemilikan terhadap barang yang dihibah. Justeru, orang yang hendak menerima hibah tersebut hendaklah berada bersama-sama semasa hibah dilakukan. Secara tidak langsung perkara ini boleh memberi kefahaman bahawa hibah yang dilaksanakan kepada

³⁸⁴ *Safih* bermaksud orang yang tidak boleh mentadbir hartanya dengan baik dan akan membelanjakan hartanya di tempat yang tidak sepatutnya.

³⁸⁵ Muhammad Abu Zahrah. 1996. *Al-Milkiyyat wa Nazariyyat al-'Aqd fi al-Shari'at al-Islamiyyat*. Qāhira: Dār al-Fikr al-'Arabī. p. 274.

³⁸⁶ Ibn Abidin, Muhammad Amin bin Umar. 1966. *Ḥasyiat Radd al-Mukhtār*. n.pl: Mustafa al-Babi al-Halabi. Vol. 5. p. 147.

³⁸⁷ Al-Khatib, Muhammad bin Muhammad al-Sharbini. 1994. *Mughni al-Muhtāj ila Ma'rifat Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 4. p. 23.

mana-mana janin yang masih berada di dalam kandungan ibunya adalah tidak sah.³⁸⁸ Dalam keadaan penerima hibah tersebut gila, atau masih seorang kanak-kanak yang belum *mumaiyīz* maka *qabūl* atau penerimaan dan *qabḍ* hibah tersebut boleh dilakukan oleh wali mereka. Wakil kepada bapa juga boleh mengambil peranan wali jika ketiadaan bapa yang boleh menjaga harta tersebut.³⁸⁹

Sebagai contoh, dalam kes *Amirul Syafiq Mohd Noor Ezanie & Aiman Danial Mohd Noor Ezanie lwn Razali Samsudin & Mohd. Saftee@Johari Shamsuddin*,³⁹⁰ Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyatakan bahawa ketika Surat Ikatan Hibah dalam kes tersebut ditandatangani oleh bapanya, umur Perayu 1 adalah 15 tahun dan Perayu 2 adalah 13 tahun. Umur kedua-dua Perayu pada masa kes ini berjalan di Mahkamah Tinggi Syariah adalah termasuk di bawah tafsiran “orang belum dewasa” yang membawa erti sebagai, seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun.³⁹¹ Oleh itu, *qabūl* daripada Perayu sebagai penerima hibah tidaklah diperlukan bagi membolehkan mereka memiliki harta yang dihibahkan.

3.4.3. *Sīghat*

Sīghat ialah pernyataan yang membawa maksud *tjāb* daripada pemberi hibah dan *qabūl* daripada penerima hibah sama ada dalam bentuk kata-kata atau dalam bentuk perbuatan.³⁹² *Sīghat* hibah penting bagi membuktikan wujudnya kerelaan daripada pemberi hibah untuk memindah milik hartanya kepada penerima hibah dan juga keinginan si penerima untuk

³⁸⁸ Ahmad Ibrahim Bik. 1936. *Mu'amalāt al-Syar'iyyat al-Maliyyat*. Qāhiraḥ: Maṭba'at al-Naṣr. p. 258.

³⁸⁹ Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 1982. *Kasysyāf al-Qinā'an Matan al-Iqnā'*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 4. p. 301.

³⁹⁰ *Amirul Syafiq b. Mohd Noor Ezanie & Aiman Danial Mohd Noor Ezanie lwn Razali Samsudin & Mohd. Saftee@Johari Shamsuddin*. Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes Mal (Rayuan) No.: 14000-044-0006-2013.

³⁹¹ Parlimen. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998. Akta 585. Seksyen 2.

³⁹² Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr. Vol. 5. p. 3983.

menerima pemberian tersebut.³⁹³ *Sīghat* hibah boleh digunakan dalam bentuk umum dan khusus³⁹⁴ meliputi makna sedekah, hadiah, dan juga *ibrā'* (melepaskan hutang). Penentuan untuk membezakan ketiga-tiga bentuk pemberian ini adalah bersandarkan *sīghat* yang digunakan bagi menggambarkan niat pemberi kerana hibah memerlukan lafaz *ījāb* dan *qabūl*, sedangkan hadiah dan sedekah tidak memerlukan lafaz *ījāb* dan *qabūl*.³⁹⁵

Perbezaan ketiga-tiga bentuk pemberian ini telah dijelaskan secara terperinci dalam kes *Poolimahee Rajeswary@Fatimah Baba lwn Meah Hussain*,³⁹⁶ yang menyatakan setiap sedekah dan hadiah merupakan hibah tetapi bukan semua hibah ialah sedekah dan hadiah kerana setiap instrumen pemberian tersebut dibezakan dengan niat dan tujuan pemberi. Pemberian yang bertujuan untuk memuliakan penerima dipanggil hadiah. Sementara pemberian dengan tujuan untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan mengharapkan ganjaran pahala semata-mata, dinamakan sebagai sedekah.

Selanjutnya, bersesuaian dengan kes *Harun Muda dan Lain-lain lwn Mandak Mamat dan Lain-lain*,³⁹⁷ pengkaji dapat membina rumusan berkaitan dengan ketiga-tiga bentuk instrumen pemberian tersebut sebagaimana berikut:

- i. Pemberian kepada seseorang yang berhajat tanpa lafaz *ījāb* dan *qabūl* merupakan sedekah,
- ii. Pemberian kepada seseorang yang berhajat yang disertai dengan lafaz *ījāb* dan *qabūl*, maka ia merupakan sedekah dan hibah,
- iii. Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang itu tanpa lafaz *ījāb* dan *qabūl*, maka ia merupakan hadiah,
- iv. Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang itu dengan adanya lafaz *ījāb* dan *qabūl*, maka ia merupakan hadiah dan hibah, dan

³⁹³ Nazīh Hammād. 2008. *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Māliyyat wa al-Iqtisādīyyat fī Lughat al-Fuqahā'*. Beirūt: Dār al-Shāmiyyat, p. 286.

³⁹⁴ Al-'Asqalānī, Ahmad bin 'Alī bin Hajar. 2000. *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyād: Dār al-Salām. Vol. 5. p. 243.

³⁹⁵ Al-Jaziri, Abd al-Rahman. 1998. *Al-Fiqh 'ala al-Madhāhib al-Arba'a'*. Beirūt: Dār Iḥya' al-Turāth al-'Arabī li al-Ṭibā'a' wa al-Tawzi'. Vol. 3. p. 330.

³⁹⁶ *Poolimahee Rajeswary@Fatimah Baba lwn Meah Hussain* [2005] 1 JH 164.

³⁹⁷ *Harun Muda dan Lain-lain lwn Mandak Mamat dan Lain-lain* [1999] 1 JH 13 at 63.

- v. Pemberian bukan dengan tujuan untuk mendapatkan pahala, dan bukan pula kerana memuliakan orang yang diberi itu dengan disertai lafaz *ijāb* dan *qabūl*, maka pemberian itu hanyalah hibah semata-mata.

Istilah *sīghat* membawa makna suatu perkataan, isyarat atau tulisan yang berbalas, yang hadir dari setiap pihak yang berakad dan ia menjadi bukti adanya reda serta persetujuan mereka untuk melakukan akad. Persetujuan yang berbalas ini dikenali dalam perbahasan fuqaha sebagai *ijāb* dan *qabūl*.³⁹⁸ *Ijāb* ialah pernyataan yang mula-mula, iaitu yang keluar daripada salah seorang pihak yang berakad, yang mengesahkan kehendaknya untuk memeterai akad. *Qabūl* pula ialah pernyataan yang hadir kemudian, iaitu yang keluar daripada pihak berakad yang lain selepas *ijāb*, yang menunjukkan persetujuannya terhadap akad yang dicadangkan oleh pihak yang pertama.³⁹⁹

Sīghat (*ijāb* dan *qabūl*) pada masa kini banyak dilaksanakan secara bertulis dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak pemberi dan penerima hibah, serta disaksikan oleh dua orang saksi. Keadaan ini berbeza dengan hibah yang diamalkan pada masa lalu dengan *ijāb* dan *qabūl* hanya dilaksanakan melalui lisan sahaja.⁴⁰⁰ Sebagai contoh lafaz *ijāb* yang diterima oleh mahkamah boleh dilihat dalam kes *Salmiah Che Hat lwn Zakaria Hashim*.⁴⁰¹ Dalam kes ini mahkamah menerima lafaz, “Tanah ini ayah beri kat hang, buatlah rumah,” sebagai lafaz *ijāb* pemberi hibah kepada penerima hibah. Ketiadaan lafaz *ijāb* sudah tentu akan memberi kesan kepada kesahan hibah tersebut dan hendaklah dibuktikan seperti dalam kes *Saharain Nordin lwn Noridah Nordin*,⁴⁰² apabila mahkamah mendapati lafaz *ijāb* yang

³⁹⁸ Nazīh Hammād. 2008. *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Māliyyat wa al-Iqtisādiyyat fī Lughat al-Fuqahā'*. Beirūt: Dār al-Shāmiyyat. p. 286.

³⁹⁹ *ibid.* p. 90.

⁴⁰⁰ Mohd. Ridzuan Awang. 2003. “Pelaksanaan Harta Hibah”. *Isu Syariah dan Undang-undang*. Bangi: Jabatan Syariah UKM. Vol. 12. p. 103.

⁴⁰¹ *Salmiah Che Hat lwn Zakaria Hashim* [1999] 1 JH 14 79.

⁴⁰² *Saharain Nordin lwn Noridah Nordin* [2008] 1 JH 26 47.

menjadi rukun hibah tidak dinyatakan dengan jelas. Kegagalan ini menyebabkan hibah tersebut menjadi tidak sah.

Walau bagaimanapun dalam hal ini pandangan fuqaha tidak sepakat mengenai kewajipan atau keperluan *qabūl* dalam *sīghat* akad hibah. *Jumhūr* fuqaha seperti fuqaha Maliki, Syafii dan Hanbali berpendapat bahawa *qabūl* ialah salah satu rukun hibah. Namun majoriti fuqaha Hanafi pula berpendapat sebaliknya.⁴⁰³ Elemen *qabūl* boleh wujud secara *ṣarīh* melalui lafaz kata-kata dan juga boleh wujud secara tersirat melalui perbuatan. Bahkan *qabūl* boleh dianggap telah berlaku walaupun secara tersirat dengan penerima hibah berdiam diri sahaja setelah mengetahui bahawa pemberian itu adalah semata-mata untuk manfaatnya.⁴⁰⁴

Al-Sharbini menyatakan bahawa *ījāb* dan *qabūl* hendaklah secara berlafaz bagi mereka yang boleh bercakap serta dilakukan secara berturutan antara *ījāb* dan *qabūl*.⁴⁰⁵ Antara contoh lafaz *ījāb* secara terang (*ṣarīh*) adalah seperti kata pemberi, “Aku berikan barang ini kepadamu,” atau secara *kināyah* seperti kata pemberi, “Aku telah menyerahkan hak milik kepadamu,” atau “Aku jadikan barang ini untukmu.” Sementara contoh lafaz *qabūl* (penerimaan) pula adalah seperti, “Aku terima,” “Aku reda,” atau seumpamanya.⁴⁰⁶

Dalam keputusan kes-kes semasa, terdapat keputusan-keputusan yang berbeza yang dibuat oleh hakim-hakim syarie dalam isu-isu berkaitan dengan pengesahan hibah dan juga penggunaan *sīghat* hibah. Wujudnya keadaan ini adalah disebabkan ketiadaan statut atau

⁴⁰³ Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Al-Fiqh al-Islāmī wa ‘Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr. p. 2983.

⁴⁰⁴ Al-Sanhuri, Abd al-Razzaq. n.d. *Al-Wasīl fi Syarḥ al-Qānūn al-Madānī*. Beīrūt: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī. Vol. 2. p. 30.

⁴⁰⁵ Adilah Mohd Sa’afie & Mohd Zamro Muda. 2018. “Garis Panduan Penentuan Kesahan Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah”. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016 (KASPI2016)*. Bangi: UKM. p. 40-41.

⁴⁰⁶ Mohd Adib Abd Muin, Mohd Sollehudin Shuib, Azizi Abu Bakar, Muhammad Ahmad, Shuhairimi Abdullah & Azizan Bahari. 2015. “Pelaksanaan Hibah dalam Keusahawanan Sosial Islam: Satu Tuntutan Agama”. *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Kompleks Pusat Islam. Sintok: UUM. 19-20 Mei. p. 9.

peruntukan yang khusus untuk dijadikan sebagai rujukan.⁴⁰⁷ Sehubungan dengan perkara ini, terdapat kajian yang merumuskan bahawa hakim syarie mengguna pakai pelbagai pendapat fuqaha yang berbeza dalam memutuskan isu berkaitan dengan lafaz *qabūl* secara perbuatan dalam *sīghat* hibah. Contohnya dalam kes *Eshah Abdullah & 5 Ors lwn Che Aminah Abdul Razak & 2 Ors*,⁴⁰⁸ mahkamah mendapati bahawa tiada sebarang *qabūl* secara lisan dilakukan ketiga-tiga penerima hibah itu yang telah menerima hasil sewaan bangunan tersebut sejak si mati masih hidup lagi. Mahkamah telah menerima keadaan tersebut dan memutuskan ia sebagai *qarīnat* penerimaan oleh penerima.

Pengkaji berpandangan kewujudan suatu status khas perlu dilaksanakan untuk mengelakkan perbezaan ini terus berlaku. Sekiranya perbezaan pendapat berkaitan isu *sīghat* ini berterusan, keyakinan masyarakat Islam sebagai agama yang sempurna akan merosot termasuk keyakinan masyarakat kepada kaedah perancangan harta Islam ini juga dipertikaikan disebabkan keputusan dan amalan-amalan yang berbeza-beza ini. Selain itu, pengkaji juga melihat akan berlaku ketidakadilan kepada masyarakat disebabkan perbezaan tersebut kerana masyarakat tidak mendapat manfaat yang mereka hajati sedangkan mereka telah mengeluarkan modal untuk tujuan tersebut.

Dari sudut rukun *sīghat*, pengkaji bersetuju lafaz *ijāb* dan *qabūl* hendaklah dibuat secara lisan bagi mereka yang boleh bercakap dan serta secara berturutan kerana lafaz *sīghat* ini adalah asas kepada perbezaan pemberian secara sedekah atau hadiah. Hal ini juga bagi memastikan tindakan tidak timbul sebarang masalah dan meyakinkan. Bahkan kesemua

⁴⁰⁷ Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. "Keputusan Hakim Syarie dalam Kes-kes Pengesahan Hibah Mengenai Sighah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 1. No. 1. p. 66.

⁴⁰⁸ *Eshah Abdullah & 5 Ors lwn Che Aminah binti Abdul Razak 2 Ors* [2004] 18 JH 159.

dokumentasi hibah pada masa kini mengamalkan *qabūl* hendaklah dilafazkan secara lisan bagi mereka yang boleh bercakap dan serta secara berturutan.

3.4.4. Barang Hibah

Asas kepada perbincangan ini ialah, setiap benda atau barang yang sah dalam jual beli, maka benda atau barang tersebut juga sah dijadikan sebagai hibah, sebaliknya setiap barang yang tidak sah untuk dijual beli, maka ia tidak sah dijadikan hibah.⁴⁰⁹ Dalam hal ini, tujuan utama hibah adalah memindahkan hak milik sesuatu harta atau harta tertentu daripada pemberi kepada penerima yang tujuan pindah milik ini juga boleh dicapai melalui akad jual beli. Oleh yang demikian, sesuatu yang sah dimiliki dengan akad jual beli maka adalah sah dimiliki dengan akad hibah, dan begitulah sebaliknya.⁴¹⁰ Selari dengan perkara ini, harta yang boleh dihibah adalah merangkumi harta alih dan tak alih, sama ada 'aīn atau faedah harta. *Jumhūr* fuqaha menyatakan bahawa faedah harta adalah termasuk dalam barangan yang boleh dihibah, dan hanya Mazhab Hanafi yang berkecuali dengan pandangan ini. Pandangan *jumhūr* ini dilihat lebih tepat dan sesuai apabila melihat pada hujah mereka yang bersesuaian dengan 'urf manusia.⁴¹¹

Faedah atau manfaat harta ini merujuk pada nilai manfaat atau faedah satu-satu harta yang terlibat. Faedah atau manfaat tersebut mempunyai bentuk, ciri-ciri atau sifat yang boleh dinilai melalui neraca barangan atau material. Ataupun secara ringkasnya faedah harta itu boleh memberi nilai yang bersifat kewangan kepada manusia. Contoh yang boleh

⁴⁰⁹ Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. 1997. *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fī Qawā'id wa Furū' al-Shāfi'iyyah*. Markaz al-Dirāsāt wa al-Buḥūth bi Maktabat Nizār al-Bāz. (ed.). Makkaḥ: Maktabat Nizār Muṣṭafā al-Bāz. Vol. 2. p. 223. Lihat juga Muḥammad Ṣidqī bin Aḥmad al-Burnū. n.d. *Mawsū'at al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. n.pl: Muassasat al-Risālah. Vol. 8. p. 526.

⁴¹⁰ Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf. 1995. *Al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi'iyy*. Zakariyyā 'Umairāt. (ed.). Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 2. p. 233.

⁴¹¹ Abd al-Karim Zaidan. 2003. *Al-Madkhal li Dirāsāt al-Syari'at al-Islamiyyah*. Beirūt: Muassasat al-Risālah. p. 185-186.

diambil bagi perbincangan ini adalah seperti bayaran sewa, royalti, faedah wakaf, keuntungan pelaburan atau seumpamanya. Tuntutan hutang juga termasuk dalam faedah harta tetapi perlulah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penghutang.

Sebagaimana yang telah disentuh sebelum ini bahawa hibah boleh dibuat terhadap 'aīn harta atau faedahnya. Sama ada kedua-duanya ('aīn dan faedah harta), atau salah satu sahaja daripada komponen atau sifat harta tersebut ('aīn atau faedah harta) adalah harus dihibah. Walaupun demikian, hibah yang dibuat terhadap salah satu daripada komponen atau sifat harta tersebut hanya akan memberi pemilikan yang tidak sempurna kepada penerima hibah.⁴¹² Secara umumnya, ciri-ciri harta hendaklah suatu perkara atau benda yang mempunyai nilai; berfaedah dari sudut hukum syarak; boleh dimiliki; boleh disimpan; dan pemilikan terhadap harta itu boleh dipindahkan.⁴¹³

Para fuqaha telah menyebut syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi harta atau barang yang dihibah, yang antaranya adalah seperti berikut:

a. Barang hibah hendaklah wujud ketika akad hibah dibuat.

Jumhūr fuqaha dari Mazhab Hanafi,⁴¹⁴ Syafi'⁴¹⁵ dan sebahagian besar fuqaha Hanbali⁴¹⁶ menyebut barang yang dihibahkan hendaklah wujud semasa akad dibuat. Barang hibah hendaklah ditentukan; diiktiraf oleh syarak dan dimiliki oleh pemberi hibah.⁴¹⁷ Namun berbeza bagi fuqaha Maliki, walaupun barang tiada sewaktu hibah dilakukan, seperti unta

⁴¹² Mahmud Saedon A. Othman. 1991. "Konsep Pemilikan Harta dalam Islam". Dlm. *Al-Ahkam (Undang-Undang Harta dalam Islam)*. Ahmad Ibrahim et al. Kuala Lumpur: DBP. Vol. 3. p. 9-13.

⁴¹³ Muhammad Wohidul Islam. 1999. "Al-Mal: The Concept of Property in Islamic Legal Thought". *Arab Law Quarterly*. n.pl: n.pb. Vol. 14. No. 4. p. 365.

⁴¹⁴ Nizām et al. 2000. *Al-Fatāwā al-Hindiyya*. 'Abd al-Laṭīf Ḥasan 'Abd al-Rahmān. (ed.). Vol. 4. p. 417.

⁴¹⁵ Al-Shīrāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf. 1995. *Al-Muhadhdhāb fi Fiqh al-Imām al-Shāfi'iy*. Zakariyyā 'Umairāt. (ed.). Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyya. p. 334.

⁴¹⁶ Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 8. pp. 248-250.

⁴¹⁷ Al-'Aqil, Jamal al-Din al-Taha. 1978. *'Aqad al-Hibaḥ Bayna al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūnī al-Madānī*. Kaherah: Dār al-Huda. p. 114.

yang hilang, atau sesuatu yang *majhūl* dan tidak diketahui nilai atau jumlahnya adalah sah dihibahkan selagi ia milik pemberi dan boleh dipindah milik menurut syarak. Hal yang demikian adalah berdasarkan prinsip yang dipegang dalam mazhab iaitu kewujudan elemen *gharār* dalam hibah yang bukan untuk dibalas adalah harus dan tidak membatalkannya.⁴¹⁸

b. Barang yang dihibah mestilah dimiliki oleh pemberi.

Pemberi hibah tidak dibenarkan untuk memberi harta orang lain sebagai hibah, kerana menghibahkan harta orang lain hanya dibenarkan dengan izin tuan empunya barang. Hal ini termasuk dalam kategori *al-mubāḥāt* (yang harus dimiliki oleh sesiapa sahaja) seperti binatang buruan di dalam hutan, galian di dalam perut bumi, atau seumpamanya, tidak sah diberikan sebagai hibah.⁴¹⁹

c. Barang atau harta yang mempunyai nilai di sisi syarak.

Barang atau harta yang bernilai di sisi syarak ialah harta yang halal untuk disimpan dan digunakan. Sekiranya seseorang merosakkannya atau menggunakannya maka dia wajib membayar gantinya.⁴²⁰ Oleh itu, barang yang tidak dianggap sebagai harta atau tidak dianggap bernilai oleh syarak seperti arak, khinzir, najis dan seumpamanya, tidak boleh dihibahkan.⁴²¹

⁴¹⁸ Al-Qarāfi, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. 1994. *Al-Dhakhīrah*. Sa'īd A'rāb. (ed.). Beirūt: Dār al-Gharb al-Islāmī. p. 226.

⁴¹⁹ Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud. 1998. *Badāi' al-Ṣanāi' fi Tartīb al-Syarāi'*. Beirūt: Dār Ihya' al-Turath al-'Arābī. p. 95.

⁴²⁰ Al-Syafii, Muḥammad bin Idrīs. 2001. *Al-'Umm*. Rif'at Fawzī 'Abd al-Muṭṭalib. (ed.). n.pl: Dār al-Wafā. Vol. 6. p. 150-151.

⁴²¹ Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud. 1998. *Badāi' al-Ṣanāi' fi Tartīb al-Syarāi'*. Beirūt: Dār Ihya' al-Turath al-'Arābī. p. 96.

d. Barang yang dihibahkan mestilah diasingkan dan diserahkan milik.

Fuqaha mempunyai pelbagai pandangan berkaitan dengan hibah yang dilakukan ke atas harta yang dimiliki oleh ramai pemilik iaitu harta yang hak penggunaannya dikongsi lebih daripada seorang pemilik tanpa membeza atau mengasingkan bahagian tertentu untuk setiap pemiliknya.⁴²² Fuqaha Hanafiyyah menyebut bahawa memberi sesuatu yang *musyā'* tetapi boleh dibahagikan dan ditetapkan sempadannya seperti tanah, kebun, atau rumah yang luas dan seumpamanya adalah tidak harus. Namun, jika ia dibahagikan dan diserahkan milik kepada penerima, hibah yang diberikan akan bertukar kepada harus kerana hibah sesuatu yang *musyā'* ialah hibah yang dianggap telah berlaku, namun kesahan dan kesempurnaannya bergantung pada pengasingan dan penyerahan milik barang yang dihibahkan.⁴²³

Mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali pula berpendapat bahawa memberi sesuatu yang *musyā'* sebagai hibah adalah harus dan sah tanpa membezakan antara harta *musyā'* yang boleh dibahagikan ataupun tidak. Oleh sebab jual beli sesuatu yang *musyā'* dianggap harus, maka hibah harta yang *musyā'* juga harus.⁴²⁴ Kesahan hibah ini dinilai dalam konteks jenis harta yang dimiliki oleh ramai pemilik yang dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

- i. Harta yang tidak boleh dibahagi-bahagikan kerana akan berlaku kerosakan dan tidak boleh digunakan seperti keadaan asalnya jika dibuat pembahagian. Sebagai contoh, sebahagian daripada sebuah kereta dan sebahagian daripada rumah yang

⁴²² Mustafa al-Khin et al. 2003. *Al-Fiqh al-Manhājī 'ala Madhhab al-Imām al-Syāfi'iy*. Damsyik: Dār al-Qalam. Vol. 3. p. 111.

⁴²³ Al-Sarakhsī, Shams al-Dīn. n.d. *Al-Mabsūt*. Beirūt: Dār al-Ma'rifah. Vol. 12. p. 49-50.

⁴²⁴ Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī. 1995. *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. 'Abd Allāh al-'Abbādī. (ed.). Al-Ghūriyyah: Dār al-Salām. Vol. 4. p. 2026.

kecil. Fuqaha bersepakat hibah jenis ini adalah sah tertakluk kepada harta hibah tersebut hendaklah diketahui kuantiti atau kadarnya.

- ii. Harta yang tidak boleh dibahagi-bahagikan dan harta tersebut tidak rosak dan tidak terjejas jika dibahagikan atau dasingkan. Bahkan harta tersebut masih boleh digunakan selepas pembahagian tersebut. Sebagai contoh, hibah sebuah bangunan yang besar dan jumlah tertentu daripada barang yang boleh diukur dengan timbangan. Fuqaha berbeza pandangan berkaitan dengan hibah jenis ini. Dalam perkara ini fuqaha Mazhab Hanafi berpandangan bahawa ia tidak harus dengan alasan syarat pindah milikan (*qabd*) tidak dapat dilaksanakan terhadap harta jenis ini. Namun *jumhūr* fuqaha pula berpandangan hibah jenis ini adalah harus berdasarkan alasan sebarang harta yang boleh dihibah, boleh juga dihibahkan sebahagian harta jenis ini.⁴²⁵

Pengkaji bersetuju dengan pandangan *jumhūr* bahawa setiap barang yang sah dalam jual beli, maka barang tersebut juga sah dijadikan sebagai hibah merangkumi harta alih dan tak alih, sama ada 'aīn atau faedah harta termasuklah harta yang *musyā'*. Pengkaji mendapati pendapat *jumhūr* ini lebih sesuai apabila melihat pada hujah mereka yang bersesuaian dengan 'urf manusia apatah lagi pada masa kini.

3.4.5. *Qabd*

Qabd ialah kata terbitan daripada perkataan bahasa Arab, *qabada-yaqbidu* yang bermaksud mengambil, menggenggam, memegang, menguasai dan yang seumpamanya.⁴²⁶ *Qabd* boleh

⁴²⁵ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Johor: UTM Press. p. 65-66.

⁴²⁶ Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Mukram. 2003. *Lisān al-'Arab*. Qāhirat: Dār al-Hadith. p. 223.

ditafsirkan sebagai tindakan penerima hibah untuk menerima serahan, memegang, menguasai barang-barang yang diberi oleh pemberi hibah, dan menjadikan barang itu sebagai harta miliknya. Selain itu *qabd* juga boleh dimaksudkan sebagai mengambil sesuatu dengan tangan secara langsung atau menggenggam sesuatu.⁴²⁷ Selanjutnya, istilah *qabd* membawa maksud mendapat sesuatu, menguasainya dan boleh melakukan *tasarruf* terhadap barang atau harta tersebut.⁴²⁸ Sehubungan dengan itu juga dari sudut istilah *qabd* turut bermaksud sebagai penerimaan yang membenarkan untuk berurusan atau *bertasarruf* dengan harta yang diterima.⁴²⁹

Contoh *qabd* dalam hibah adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam kes *Tengku Hj Jaafar Tengku Muda & Seorang lagi lwn Kerajaan Pahang*,⁴³⁰ dengan mahkamah memutuskan terdapat tiga elemen yang perlu dipenuhi bagi memastikan hibah yang dibuat itu sah. Iaitu pernyataan yang menunjukkan keinginan untuk melakukan pemberian daripada pemberi hibah (*ijāb*); pernyataan penerimaan sama ada secara nyata atau tidak nyata daripada penerima hibah (*qabūl*); dan berlakunya ambil milikan (*qabd*) terhadap barang yang dihibahkan oleh penerima hibah sama ada dengan cara mengambil barang tersebut atau secara tersirat sahaja. Walau bagaimanapun dalam hal ini fuqaha berbeza pandangan dalam meletakkan *qabd* sebagai syarat bagi akad hibah yang sempurna.

Pandangan atau pendapat fuqaha dalam masalah ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu:

⁴²⁷ Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud. 2003. *Badāi' al-Ṣanāi' fi Tartīb al-Syarāi'*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-ʿIlmiyyah. Vol. 8. p. 104-105.

⁴²⁸ Ibid. p. 105.

⁴²⁹ M. Rauwwas Qal'ah Ji, et al. 1985. *Mu'jam Lughat al-Fuqahā'*. Beirūt: Dār al-Nafāis. p. 356.

⁴³⁰ *Tengku Hj Jaafar Tengku Muda & Seorang lagi lwn Kerajaan Pahang* [1987] 2 MLJ 74.

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga
Sebahagian besar fuqaha Mazhab Hanafi, ⁴³¹ Syafii, ⁴³² Ibrāhīm al-Nakha‘ī dan Sufyān al-Thawrī ⁴³³ berpendapat <i>qabḍ</i> ialah syarat yang perlu dipenuhi bagi menjadikan hibah sebagai suatu akad yang mengikat (<i>lāzim</i>). Harta yang dihibahkan tidak akan menjadi milik penerima hibah sebelum berlakunya <i>qabḍ</i> kerana <i>tjāb</i> dan <i>qabūl</i> sahaja tidak memadai.	Fuqaha Mazhab Maliki ⁴³⁴ tidak menganggap <i>qabḍ</i> sebagai syarat yang diperlukan bagi menghukumkan akad hibah sah atau tidak, kerana hak ke atas harta hibah telah pun dipindahkan kepada penerima dengan hanya termeterainya <i>tjāb</i> dan <i>qabūl</i> . Akad hibah akan menjadi sah dan <i>lāzim</i> (mengikat) setelah lahirnya <i>tjāb</i> dan <i>qabūl</i>	Fuqaha Mazhab Hanbali. ⁴³⁵ Mazhab ini menyebut hibah sesuatu benda atau harta yang disukat atau ditimbang yang tidak dapat ditentukan dan dibezakan melainkan dengan cara menyukat atau menimbanginya tidak akan menjadi <i>lāzim</i> dan mengikat kecuali setelah <i>qabḍ</i> dilakukan.

Jadual 1: *Qabḍ* sebagai syarat bagi akad hibah yang sempurna

Pengkaji cenderung untuk memilih pendapat pertama dalam isu ini iaitu *qabḍ* hendaklah menjadi syarat bagi kesahan sesuatu hibah yang dilakukan. Hal ini bersesuaian dengan amalan pemakaian hibah di Malaysia terutamanya di Mahkamah Syariah. Secara tidak langsung pemberi hibah mempunyai ruang masa untuk meneruskan atau menarik balik hibah tersebut demi kebaikan pihak-pihak.

⁴³¹ Al-Sarakhsī, Shams al-Dīn. n.d. *Al-Mabṣūṭ*. Beirūt: Dār al-Ma‘rifah. Vol. 8. p. 48.

⁴³² Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muhyī al-Dīn bin Sharaf. 2003. *Rawḍat al-Ṭālibīn*. Vol. 4. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd & ‘Alī Muḥammad Mu‘awwaḍ. (ed.). Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutūb. p. 437.

⁴³³ Abū Bakr Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Mundhir. 2005. *Al-Isyrāf ‘alā Madhāhib al-‘Ulamā’*. Abū Ḥammād Ṣaḡhīr Aḥmad al-Anṣārī. (ed.). UAE: Maktabat Makkaṭ al-Thaqāfiyyah. Vol. 7. p. 82.

⁴³⁴ Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī. 1995. *Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid*. ‘Abd Allāh al-‘Abbādī. (ed.). Vol. 4. p. 2028.

⁴³⁵ Shams al-Dīn Abū al-Farj ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisī, *Al-Syarḥ al-Kabīr*. Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah al-Maqdisī. 1995. *Al-Muqni’*. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. (ed.). Giza: Hijr. Vol. 17. p. 14-20.

Qabd boleh dibuktikan melalui perbuatan seperti perbuatan menyerahkan kunci harta yang dihibah seperti kunci rumah atau kunci kenderaan; menjaga harta hibah; mengusahakan harta hibah seperti memugar tanah untuk tanaman; membayar cukai-cukai yang melibatkan harta tersebut; ataupun menyimpan buku akaun simpanan atau geran tanah. Sehubungan dengan pelaksanaan *qabd*, ia juga bergantung pada jenis harta yang dihibah seperti pengosongan (*al-takhlīat*) premis atau bangunan bagi harta tak alih. Sementara bagi harta alih, *qabd* berlaku apabila harta yang dihibah itu dipindahkan kepada penerima untuk disimpan di bawah jagaannya.⁴³⁶

Qabd juga boleh dibuktikan dengan pengambilan dokumen atau mekanisme (alatan) hak milik seperti geran tanah; anak kunci rumah termasuklah mengisi borang tertentu (contoh. Borang 14A) sebagai sebahagian daripada prosedur pindah milik harta tak alih. Selanjutnya, untuk sesetengah keadaan penerimaan dokumen serta menandatangani borang berkaitan juga amat penting sebagai maksud penerimaan oleh penerima jika aset yang dihibah dalam bentuk harta alih seperti barang-barang kemas, jam tangan mewah, kenderaan, pinggan mangkuk berjenama dan sebagainya.⁴³⁷

Kepentingan elemen dan fungsi *qabd* boleh dilihat dalam kes *Nik Noor Hazlini Nik Abdul Hamid lwn Nik Noor Hazrinda Nik Abdul Hamid & 3 Yang Lain*,⁴³⁸ yang dalam kes ini mahkamah memutuskan bahawa tindakan si mati memohon kebenaran pindah milik daripada Menteri Besar adalah *al-takhlīat*, iaitu si mati secara perbuatannya telah

⁴³⁶ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanātir International of Islamic Studies*. USIM: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. Apr. p. 41.

⁴³⁷ Othman Yaakob. 2007. "Pembentukan Trust Hibah sebagai Alternatif Perancangan Harta". Dlm. *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Siti Mashitoh Mahamood. (ed.). Kuala Lumpur: Penerbit UM. p. 180.

⁴³⁸ *Nik Noor Hazlini bt Nik Abdul Hamid lwn Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & 3 Yang Lain* [2014] 3 ShLR.

melepaskan penguasaannya ke atas sebidang tanah tertentu. Walaupun si mati ketika hayatnya masih lagi mengambil hasil dan mentadbir rumah kedai yang dihibahkan, tetapi *qabd* tersebut telah sempurna dengan tindakan *al-takhlīṭ* tersebut.

Sehubungan dengan perkara ini, fuqaha bersependapat bahawa *qabd* mempunyai syarat tertentu yang perlu dipenuhi supaya *qabd* yang dilakukan itu sah atau diterima oleh syarak, dan seterusnya menjadi sebab kepada terbitnya hukum yang telah ditetapkan daripada sesebuah akad yang dimeterai. Syarat sah *qabd* yang dibincangkan oleh fuqaha meliputi:

a. Individu yang melakukan *qabd* hendaklah dalam kalangan yang layak dari segi syarak.

Fuqaha bersependapat *qabd* yang sah hendaklah lahir dari individu yang layak. Sungguhpun demikian, mereka berbeza pendapat dalam menilai kelayakan seseorang untuk melakukan *qabd*. *Jumhūr* fuqaha berpendapat tidak sah *qabd* daripada seseorang yang gila atau kurang akalnya, dan daripada kanak-kanak yang belum baligh walaupun telah *mumaiyīz* kecuali oleh pendapat Mazhab Hanafi. Bapa atau wali mereka yang dilantik oleh pihak berkuasa akan mewakili mereka untuk menerima dan mengambil milik harta yang dihibah.⁴³⁹ Fuqaha Syafii⁴⁴⁰ dan Hanbali⁴⁴¹ pula menyebut bahawa syarat bagi *qabd* yang sah ialah individu yang melakukan *qabd* mestilah seorang yang berakal dan baligh.

Sementara fuqaha Hanafi hanya mensyaratkan kewarasan (*al-‘aql*) pada individu yang melakukan *qabd*, manakala baligh menurut mazhab ini tidak menjadi syarat bagi

⁴³⁹ Inas Abbas Ibrahim. 1993. “Hibah al-aba’ li abnaihīm hāl al-hayaṭ”. *Majalāt al-Shari’at wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlis al-Nasyr al-‘Ilmi fi Jāmi’at al-Kuwaīt. Vol. 19. p. 73-74.

⁴⁴⁰ Mustafa al-Khin et al., 2003. *Al-Fiqh al-Manhāji ‘ala Madhhab al-Imām al-Syāfi’iy*. Damsyiq: Dār al-Qalam. Vol. 3. pp. 113-114.

⁴⁴¹ Al-Bahuti. 1982. *Kasyṣyāf al-Qannā ‘an Matni al-Iqnā’*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 6. p. 2088.

sahnya *qabḍ* dalam akad hibah.⁴⁴² Mazhab Maliki pula secara zahirnya bersependapat dengan Mazhab Syafii dan Hanbali berkenaan masalah ini. Ibn Rushd menyebut bahawa seorang ayah hendaklah melakukan *qabḍ* bagi pihak anaknya yang masih kecil, demikian juga bagi pihak seorang *safīh* yang berada di bawah jagaannya, untuk mewakili hibah yang diberikan kepada mereka.⁴⁴³

Jumhūr fuqaha Mazhab Syafii dan sebahagian fuqaha Hanbali berpendapat adalah tidak terbatal akad hibah apabila salah seorang daripada yang berakad hibah meninggal dunia sebelum diambil milikan (*qabḍ*) barang yang dihibahkan. Waris pihak-pihak akan menggantikan tempatnya sama ada memberi izin *qabḍ* atau memfasakhkan akad tersebut, ataupun waris penerima meng*qabḍ* barang yang dihibah atau menolaknya.⁴⁴⁴ Namun sekiranya salah seorang daripada mereka meninggal dunia sebelum berlaku *qabūl* daripada penerima, maka terbatal akad hibah tersebut kerana akad masih belum sempurna ketika berlaku kematian.⁴⁴⁵

Qabḍ wujud dalam dua bentuk iaitu *qabḍ* yang dilakukan sendiri oleh tuan punya hak, dan *qabḍ* yang dilakukan oleh orang lain bagi pihak orang yang berhak. Fuqaha sependapat bahawa hanya mereka yang layak pada pandangan syarak sahaja mempunyai autoriti untuk melakukan *qabḍ* oleh tuan punya hak. Mengenai isu autoriti berkaitan dengan *qabḍ* yang dilakukan secara wakil, autoriti bagi wakil tersebut wujud dengan dua cara iaitu melalui kuasa yang diberikan oleh tuan punya hak atau kuasa yang diberikan oleh syarak. Fuqaha

⁴⁴² Al-Kasani, ‘Ala al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ud. 1998. *Badāi’ al-Ṣanāi’ fī Tartīb al-Syarāi’*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 8. p. 110.

⁴⁴³ Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī. 1995. *Bidāyaṭ al-Mujtahid wa Nihāyaṭ al-Muqtaṣid*. ‘Abd Allāh al-‘Abbādī. (ed.). Vol. 4. p. 2028.

⁴⁴⁴ Al-Nawawī, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1995. *Kitāb al-Majmu’ Syarḥ al-Muhazzab li al-Syirāzī*. Jeddah: Maktabah al-Irsyād. p. 351.

⁴⁴⁵ Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arābī. Vol. 6. p. 250.

bersependapat bahawa jika wakil tersebut terdiri daripada individu yang layak dari segi syarak untuk melakukan *qabd* bagi dirinya, maka dia juga layak untuk melakukan *qabd* untuk orang lain.⁴⁴⁶

Qabd bagi individu yang berhak dengan kuasa yang diberikan syarak bermaksud *qabd* yang dilakukan oleh wali bagi individu yang berada di bawah jagaannya dan individu tersebut tidak layak melakukan *qabd* sendiri. Fuqaha menyebut bahawa *qabd* bagi pihak kanak-kanak mestilah dilakukan oleh walinya, atau wakil yang dilantik oleh wali, hakim atau penjaga yang dilantik oleh hakim.⁴⁴⁷ Pengkaji cenderung menerimapai pandangan yang diberikan oleh *jumhūr* berkaitan *qabd* hanya boleh diberikan oleh orang yang layak dari sudut hukum syarak atau undang-undang. Hal ini bagi memastikan kebajikan bagi orang yang diwakilinya sentiasa terpelihara dan berada dalam pengetahuan wakilnya. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan peranan wakil tersebut sebagai penjaga harta kepada orang yang dibawah tanggungannya.

b. *Qabd* hendaklah dilakukan dengan keizinan pemberi.

Pemberi hibah mempunyai pilihan sebelum barang yang dihibahkan itu diambil milikan (*qabd*) sama ada mengizinkan untuk di*qabd* atau menarik balik hibah dan menghalangnya daripada diambil milikan (*qabd*) oleh penerima.⁴⁴⁸ Keizinan tersebut tidak hanya sah dengan lafaz izin sahaja bahkan dengan perbuatan yang menunjukkan tanda keizinan sama ada dengan kehadiran pemberi hibah atau sebaliknya.⁴⁴⁹ Fuqaha telah

⁴⁴⁶ Ali bin Muhammad bin Habib. 1994. *Al-Hāwī al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 6. p. 506.

⁴⁴⁷ Shams al-Dīn Aḥmad bin Qawdar, Qāḍī Zādah. 2003. *Takmilat Syarḥ Faḥ al-Qadīr Natā'ij al-Afkār fī Kasyf al-Rumūz wa al-Asrār*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 9. p. 34-35.

⁴⁴⁸ Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1995. *Kitāb al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab li al-Syīrāzī*. Jeddaḥ. Maktabat al-Irsyād p. 350.

⁴⁴⁹ Inas Abbas Ibrahim. 1993. "Hibah al-aba' li abnaihīm hāl al-hayat". *Majalat al-Shari'aḥ wa al-Dirāsāt al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlis al-Nasyr al-‘Ilmi fī Jāmi'aḥ al-Kuwaīt. Vol. 19. p. 73.

membahagikan keizinan kepada dua bentuk iaitu keizinan secara *ṣarīḥ* (jelas) dan keizinan berdasarkan *dilālat* (petanda). Keizinan berdasarkan petanda seperti penerima hibah mengambil hibah yang diberikan di hadapan pemberi, dan pemberi hanya diam tanpa melarangnya melakukan demikian.

Fuqaha berbeza pandangan dalam mensyaratkan keizinan pemberi hibah bagi membolehkan *qabḍ* yang sah dilakukan kepada dua kumpulan. Pandangan kedua-dua kumpulan tersebut adalah seperti berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua
Mazhab Hanafi, ⁴⁵⁰ Syafii ⁴⁵¹ dan Hanbali ⁴⁵² mensyaratkan bahawa <i>qabḍ</i> yang sah hendaklah dilakukan dengan izin pemberi. Harta yang <i>diqabḍ</i> tidak dianggap sebagai milik penerima jika <i>qabḍ</i> dilakukan tanpa keizinan.	Mazhab Maliki berpendapat <i>qabḍ</i> sah dilakukan tanpa keizinan pemberi. Pemberi boleh dipaksa oleh hakim untuk membenarkan <i>qabḍ</i> dilakukan jika penerima menuntut kerana hibah menjadi <i>lāzim</i> dan mengikat hanya dengan <i>ījāb</i> dan <i>qabūl</i> . ⁴⁵³

Jadual 2: Syarat keizinan Pemberi Hibah sebelum *qabḍ* dilakukan.

Pengkaji bersetuju dengan pendapat kumpulan pertama dalam isu ini berasaskan alasan bahawa pemberi hibah masih berkuasa dan memiliki harta tersebut kerana hibah masih belum sempurna. Oleh itu, keizinan pemberi hibah perlu sebagai tanda tiada penarikan balik hibah oleh pemberi hibah itu. Bahkan keengganan pemberi hibah tersebut memberi keizinan juga boleh dianggap sebagai penarikan balik hibah.

⁴⁵⁰ Al-Kasani, ‘ala al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ud. 1998. *Badāi’ al-Ṣanāi’ fi Tartīb al-Syarā’i’*. Vol. 8. pp. 106-108.

⁴⁵¹ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn bin Sharaf. 2003. *Rawḍat al-Ṭālibīn*. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd dan ‘Alī Muḥammad Mu’awwaḍ. (ed.). Vol. 4. p. 438.

⁴⁵² Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arābī. Vol. 8. p. 242.

⁴⁵³ Al-Qāḍī ‘Abd Al-Wahhāb. n.d. *Al-Ma’ūnaḥ ‘alā al-Madhhab ‘Ālam al-Madīnah*. Ḥamīsh ‘Abd al-Ḥaqq. (ed.). Makat: Al-Maktabat al-Tijāriyyah. Vol. 3. p. 1607.

3.5. Jenis-jenis Hibah

Hibah boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat.

Hibah mutlak ialah hibah yang diberikan secara milikan penuh kepada penerima tanpa disertakan syarat balasan, secara sukarela dan tanpa mengharapkan sebarang balasan.⁴⁵⁴

Hibah mutlak dilakukan secara langsung (*mubasyarat*) dan tidak terikat dengan syarat yang perlu ditunaikan, dan pemberi menghibahkan hartanya secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang balasan.⁴⁵⁵ Hal ini bersesuaian dengan istilah hibah itu sendiri iaitu pemberian atau pemindahan hak milik oleh seseorang ke atas hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan.⁴⁵⁶ Contoh, seorang ibu memberikan sebidang tanah kepada anaknya dengan mengisi borang pindah milik tanah tersebut di pejabat tanah. Pemilikan tanah tersebut berpindah kepada si anak secara serta merta.

Hibah bersyarat pula merupakan hibah yang menggunakan *siḡhat* secara *ta' līq*, *iḏāfat*, dan *syart* (syarat). *Ta' līq* ialah ungkapan dalam bahasa Arab yang merupakan kata terbitan (*maṣḍar*) kepada kalimah '*allaqa*. Huruf '*ain*, '*lām*, dan '*qāf* yang membentuk kata dasar bagi kalimah ini mempunyai satu makna utama iaitu menggantungkan sesuatu pada sesuatu.⁴⁵⁷ *Ta' līq* dari sudut istilah ditakrifkan sebagai perbuatan mengikat atau menggantung hasil suatu perkara pada hasil suatu perkara yang lain.⁴⁵⁸ *Ta' līq* boleh dijelaskan sebagai

⁴⁵⁴ 'Abd al-Bar, Muhammad Zaki. 1986. *Aḥkām al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fī al-Madhhab al-Hanbālī*. Qatar: Dār al-Thaqāfat. p. 485.

⁴⁵⁵ Nadir 'Abd 'Aziz. 2001. '*Aqd al-Hibaḡ fī al-Qānūn al-Lubnānī wa al-Muqārīn*. Lubnān: al-Muassasat al-Hādithat li al-Kitāb. p. 53-54.

⁴⁵⁶ Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf. 2005. *Minhāj al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḡtībīn*. Muḡammad Muḡammad Tahir Sha'bān. (ed.). Beirūt: Dār al-Minhāj. p. 324.

⁴⁵⁷ Aḡmad bin Fāris bin Zakariyyā. 1979. *Mu'jam Maqāyīs al-Luḡat*. 'Abd al-Salām Muḡammad Hārūn. (ed.). n.pl: Dār al-Fikr. Vol. 4. p. 125.

⁴⁵⁸ Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm. 1999. *Al-Asybah wa al-Nazā'ir*. Muḡammad Muḡī' al-Hāfiẓ. (ed.). Dimasyq: Dār al-Fikr. p. 436.

peletakan syarat yang menyebabkan suatu akad digantungkan pada berlakunya suatu perkara pada masa hadapan.⁴⁵⁹

Idāfat ialah kalimah bahasa Arab yang membawa maksud “menyatukan dan mencondongkan”. Ia juga memberi makna “menyandarkan dan mengkhususkan” kerana *idāfat* melibatkan perbuatan menyandarkan dan menyatukan suatu perkara dengan suatu perkara yang lain bagi mengkhususkan perkara tersebut.⁴⁶⁰ *Idāfat* sering digunakan fuqaha sebagai satu istilah dalam ilmu *fiqh* bagi menggambarkan makna menyandarkan dan mengkhususkan. Sesuatu hukum yang di*idāfat*kan kepada seseorang atau suatu masa tertentu bermaksud hukum tersebut disandarkan dan dikhususkan untuk individu atau masa tersebut.⁴⁶¹

Idāfat berbeza daripada *ta’līq* kerana apabila suatu akad di*idāfat*kan kepada masa depan, akad telah wujud serta merta setelah *ṣīghat* dilafazkan, namun hukum yang terbit daripada akad tersebut tertangguh sehingga tiba masa yang di*idāfat*kan padanya. *Syarat* (syarat) pula merupakan kalimah yang berasal dari bahasa Arab dan mempunyai beberapa makna termasuklah mewajibkan sesuatu dan patuh kepada kewajipan tersebut.⁴⁶² Syarat ditakrifkan sebagai suatu perkara yang jika ia tidak hadir menyebabkan suatu hukum atau sebab hukum untuk sesuatu perkara lain tidak wujud.⁴⁶³ Syarat, mengikut sumber peletakannya terbahagi kepada dua kategori seperti yang berikut:

⁴⁵⁹ Al-‘Iyāshī Fidād. 2005. *Al-Ta’līq fī al-‘Uqūd ma’a al-Isyārah ilā Ba’d al-Taṭbīqāt al-Mu’āsirat*. Makalah, Mu’tamar Hay’at al-Raqābah al-Shar’iyyah. Jeddah. p. 7.

⁴⁶⁰ Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī. 1989. *Al-Miṣbāh al-Munīr*. Beirūt: Maktabat Lubnān. p. 139.

⁴⁶¹ Wazārat al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah al-Kuwaīt. 1983. *Al-Mawsū’at al-Fiqhiyyah*. Kuwaīt: Ṭibā’at Dhāt al-Salāsīl. Vol. 12. p. 299.

⁴⁶² Al-Fayrūzabādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya’qūb. 2008. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Anas Muḥammad al-Shāmī dan Zakariyyā Jābir Aḥmad. (ed.). Qāhira: Dār al-Ḥadīth. p. 853.

⁴⁶³ Al-Zuhaylī, Wahbah. 1986. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Dimasyq: Dār al-Fikr Vol. 1. pp. 98-99.

- i. Syarat *syar'ī* ialah syarat yang diletakkan oleh syarak seperti wuduk sebagai syarat kepada solat atau pelaku akad yang berakal sebagai syarat bagi jual beli yang sah.
- ii. Syarat *ja'li* ialah syarat yang sumbernya berdasarkan kehendak individu. Sesuatu akad yang dimeterainya atau komitmen yang ingin dilakukannya bergantung pada kehendak individu tersebut. Syarat *ja'li* adalah mewajibkan (mengikat) sesuatu perkara yang belum wujud ke atas perkara yang telah wujud menggunakan *sīghat* yang khusus.⁴⁶⁴ Sebagai contoh, seseorang yang mahu menyewakan rumahnya telah meletakkan syarat kepada bakal penyewa dengan pihak tersebut mestilah menanggung sendiri kos baik pulih rumah. Jika syarat yang diletakkan tidak dipenuhi, maka perkara bersyarat iaitu akad sewa tidak akan berlaku.

Hibah bersyarat pula boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian; hibah bersyarat *'umrā*; dan hibah bersyarat *ruqbā*.⁴⁶⁵ Selain hibah bersyarat ini, terdapat juga perbincangan dalam kalangan fuqaha berkaitan hibah hutang dan hibah *fuḍūlī* dari sudut hukum syarak yang akan dijelaskan secara ringkas dalam bahagian ini.

3.5.1. Hibah *'Umrā*

Istilah *'umrā* ialah kata terbitan bahasa Arab daripada kata kerja *a'mara* yang bermaksud suatu pemberian kepada seseorang sepanjang umur pemberi hibah atau penerima hibah.⁴⁶⁶

'Umrā berasal dari perkataan *al-'umr* yang bermaksud umur dan dinamakan *'umrā* kerana

⁴⁶⁴ Al-Hamawī, Al-Sayyid Ahmad bin Muḥammad al-Hanafī. 1985. *Ghamz 'Uyūn al-Baṣā'ir Syarḥ Kitāb al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 4. p. 41.

⁴⁶⁵ Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Kajang: enerbit Akademia Baru. Vol. 15. No. 1. Mei. p. 59.

⁴⁶⁶ Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr. 1981. *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*. Beirut: Dār al-Fikr. p. 454.

perkataan ini mempunyai kaitan dengan umur⁴⁶⁷ dan waktu,⁴⁶⁸ atau tempoh tertentu umur pemberi atau penerima.⁴⁶⁹ Hibah ‘*umrā* ialah hibah yang diberikan kepada penerima hibah namun harta tersebut dikembalikan semula kepada pemberi hibah jika penerima mati terlebih dahulu.⁴⁷⁰ Contoh, “Rumah ini menjadi milik kamu selama mana saya hidup,” ataupun “Rumah ini menjadi milik kamu selama mana kamu hidup atau saya hidup dan apabila saya mati, rumah ini menjadi milik waris saya.”⁴⁷¹

Fuqaha berbeza pandangan berkaitan dengan keharusan hibah ‘*umra* ini seperti berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga
<i>Jumhūr</i> fuqaha Mazhab Hanafi, Syafii dan Hanbali berpendapat bahawa akad hibah tersebut sah namun syarat ‘ <i>umrā</i> adalah terbatal ⁴⁷² kerana akad hibah tidak terbatal dengan	Imam Malik dan al-Layth berpendapat akad dan syarat ‘ <i>umrā</i> adalah harus dan hibah “ <i>umrā</i> merupakan pemberian manfaat barang kepada penerima hibah sepanjang hayatnya sahaja. ⁴⁷⁵ Harta yang dihibahkan hendaklah dikembalikan	Salah satu pendapat Imam Ahmad dan Imam Syafii dalam <i>qawl qadīm</i> , pendapat al-Qasim bin Muhammad, Zaid bin Qusayl, Zuhri, Abu Salamah Abd Rahman, Ibn Abi Ziab, Abu al-Thawr dan Daud berpendapat ‘ <i>umrā</i> yang mensyaratkan harta hibah adalah untuk penerima hibah dan waris-

⁴⁶⁷ Ibn Qudāmah, Sham al-Din al-Maqdisi. n.d. *Al-Syarḥ al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 6. p. 335.

⁴⁶⁸ Al-Zuhayli, Muhammad. 2007. *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syāfi’i*. Damsyiq: Dār al-Qalam. Vol. 3. p. 187.

⁴⁶⁹ Al-Bajī, al-Andalusi Sulayman Bin Khālaf. n.d. *Al-Muntaqā Syarḥ Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik bin Anas*. Qāhira: Dār al-Kitāb al-Islāmī. Vol. 6. p. 119.

⁴⁷⁰ Nurul Huda Ahmad Razali, Fadhilah Abdul Ghani, Nurul Farhanah Mohd Nasir & Munirah Selamat. 2018. “Tinjauan Hibah dalam Undang-undang Pentadbiran Harta Islam di Malaysia: Masalah dan Solusi”. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Kota Bharu. Kelantan: n.pb. Vol. 3. No. 15. Dis. p. 15.

⁴⁷¹ Shahinaz Zakaria & Amir Fazlim Jusoh@Yusof. 2016. “Prospek Hibah Bersyarat sebagai Instrumen Pembiayaan Peribadi Islam”. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Jejak Warisan Ilmu Islam*. Banda Aceh. Bangi: UKM. p. 721.

⁴⁷² Al-Dusuqi, Muhammad ‘Arafah. 2005. *Hāsyiaṭ al-Dusūqī ‘ala al-Syarḥ al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 5. p. 507.

⁴⁷⁵ Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. 1996. *Bidāyaṭ al-Mujtahid wa Nihāyaṭ al-Muqtaṣid*. Beirūt: Dār al-Kutūb. Vol. 4. p. 366.

<p>penggunaan syarat yang fasid.⁴⁷³ Oleh itu, harta yang dihibah akan menjadi milik penerima hibah dan waris-warisnya.⁴⁷⁴</p>	<p>kepada penghibah atau warisnya setelah penerima hibah meninggal dunia. Jika pemberi hibah menyatakan ‘<i>umrā</i>’ tersebut juga untuk keturunan atau waris penerima hibah maka harta tersebut boleh digunakan oleh waris penerima hibah dan selepas kematian mereka, harta tersebut hendaklah dikembalikan kepada pemberi hibah atau ahli warisnya.⁴⁷⁶</p>	<p>warisnya hendaklah menjadi milik penerima dan waris-warisnya.</p> <p>Namun sekiranya pemberi hibah tidak menyatakan bahawa harta yang dihibahkan menjadi milik waris penerima, maka harta tersebut hendaklah dikembalikan kepada pemberi hibah.⁴⁷⁷ Mazhab Zahiri dan <i>qawl qadīm</i> al-Syafii menyatakan hibah tersebut adalah batal. Majoriti fuqaha daripada Abu Hanifah, al-Syafii, dan Ahmad bin Hanbal menyatakan bahawa syarat tersebut adalah batal.⁴⁷⁸</p>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 3: Keharusan hibah ‘*umrā*’

Pengkaji berpandangan bahawa hibah ‘*umrā*’ sebenarnya bukanlah pemberian mutlak sesuatu harta hibah tetapi hanya hibah manfaat harta tersebut dalam tempoh umur pemberi hibah masih hidup. Sekiranya itu adalah niat dan tujuan pemberi hibah maka pandangan kumpulan kedua adalah lebih bersesuaian dengan keadaan ini. Pengkaji lebih bersetuju dengan pandangan kumpulan ini kerana hibah manfaat sesuai menggunakan prinsip ini kerana tempoh hibah tersebut akan tamat apabila syarat ‘*umrā*’ berlaku dan hakmilik barang dan manfaat barang kembali kepada waris-waris mereka.

⁴⁷³ Al-Zuhayli, Muhammad. 2007. *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syāfi’i*. Damsyiq: Dār al-Qalam. p. 187.

⁴⁷⁴ Nadir Abd Aziz. 2001. *Aqad al-Hibat fi al-Qānūnī al-Lubnānī wa al-Maqārīn*. Tarablus: Al-Muassasat al-Hadīthā li al-Kitāb. Vol. 1. p. 132.

⁴⁷⁶ *ibid.* p. 132.

⁴⁷⁷ Ibn Qudāmah, Sham al-Din al-Maqdisi. n.d. *Al-Syarḥ al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 6. pp. 307-308.

⁴⁷⁸ Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1995. *Al-Majmū’ Syarḥ al-Muhadhdhab li al-Syirāzī*. Jeddah: Maktabat al-Irsyād. p. 366.

3.5.2. Hibah *Ruqbā*

Pemberian ini dinamakan *ruqbā* kerana ia diambil daripada kalimah *al-murāqabat*, iaitu saling menunggu dan memerhati. *Ruqbā* bermaksud pemberi dan penerima hibah saling menunggu dan memerhatikan pihak mana yang akan meninggal dunia terlebih dahulu antara mereka.⁴⁷⁹ Maksud menunggu tersebut ialah, pemberi hibah dan penerima hibah menunggu kematian salah seorang daripada mereka untuk memastikan barang hibah tersebut menjadi milik salah seorang daripada mereka.⁴⁸⁰

Ruqbā dari segi istilah syarak bermaksud pemberian hak milik daripada seseorang kepada seorang yang lain dengan syarat selepas kematian salah seorang daripada penghibah dan penerima barang hibah akan dimiliki oleh pihak yang masih hidup.⁴⁸¹ Contoh lafaz *ruqbā* adalah, “Sekiranya saya mati dulu sebelum kamu, maka harta ini untuk kamu dan sekiranya kamu mati sebelum saya, harta ini kembali kepada saya.” Hal ini menggambarkan kedua-dua pihak saling menunggu kematian salah seorang daripada mereka kerana harta hibah akan menjadi milik yang hidup.⁴⁸² Fuqaha juga berbeza pandangan mengenai keharusan hibah *ruqbā* ini berdasarkan kewujudan unsur *gharār* dalam akad hibah tersebut seperti berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga	Pendapat Keempat
Mazhab Syafii berdasarkan <i>qawl jadīd</i> Imam Syafii dan Hanbali berpendapat hibah	Imam Malik, Abu Hanifah, al-Hassan dan <i>qawl qadīm</i> Imam al-Syafii menyebut	Al-Zuhri berpendapat hibah <i>ruqbā</i> adalah sah sebagai wasiat	Al-Qasim bin Muhammad dan Ibn al-Arabi mengharuskan syarat <i>ruqbā</i> sebagaimana mereka

⁴⁷⁹ Al-Mawardi, ‘Ali bin Muhammad bin Habib. 1994. *Al-Hāwī al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 7. p. 539.

⁴⁸⁰ Al-Fayyūmī, Ahmad bin Muḥammad bin ‘Alī. 1989. *Al-Miṣbāh al-Munīr*. Beirūt: Maktabat Lubnān. p. 234.

⁴⁸¹ Ahmad Rida. 1960. *Mu’jam Matan al-Lughat*. Beirūt: Dār Maktabat al-Hayat. Vol. 5. p. 628.

⁴⁸² Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1996. *Al-Ta’rifāt*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arābī. p. 149.

<p><i>ruqbā</i> adalah sah sama seperti <i>'umra</i> tetapi syarat <i>ruqbā</i> tersebut terbatal.</p> <p>Harta hibah akan menjadi milik penerima hibah dan menjadi pusaka selepas kematian penerima hibah.⁴⁸³</p>	<p>bahawa hibah <i>ruqbā</i> tidak harus kerana hibah <i>ruqbā</i> mengaitkannya dengan suatu syarat yang belum pasti.⁴⁸⁴</p>	<p>dan bukan sebagai hibah.</p> <p>Hukum akad tersebut perlu tertakluk kepada hukum wasiat.⁴⁸⁵</p>	<p>mengharuskan syarat <i>'umra</i>.</p> <p>Al-Qasim menyatakan bahawa manusia berpegang kepada syarat yang telah ditetapkan dalam urusan harta dan pemberian.⁴⁸⁶</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 4: Keharusan hibah *ruqbā*

Pengkaji cenderung kepada pandangan pertama dalam isu hibah *ruqbā* ini berbanding pandangan yang lain bersesuaian dengan hasrat pemberi hibah. Walaubagaimanapun berdasarkan pemerhatian, pengkaji tidak menafikan bahawa kebanyakan produk hibah yang dijadikan kaedah pengurusan harta masa kini menggunakan hibah *ruqbā* ini termasuklah melalui dokumentasi hibah. Pengkaji tidaklah menolak sepenuhnya pemakaian hibah *ruqbā* ini namun berpandangan bahawa kesahan hibah ini hanya boleh dilakukan di Mahkamah Syariah selepas syarat hibah tersebut berlaku. Hal ini bersesuaian dan dikiaskan dengan amalan mengesahkan cerai secara *ta'liq* hanya setelah syarat *ta'liq* tersebut di langgar.

⁴⁸³ Ibn Qudāmah, 'Abd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arābī. Vol. 6. p. 311.

⁴⁸⁴ Al-Khatib, Muhammad bin Muhammad al-Sharbini. 1994. *Mughni al-Muhtāj ila Ma'rifat Ma'ānī al-Alfāz al-Minhāj*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 3. p. 583.

⁴⁸⁵ Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1995. *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab li al-Syīrāzī*. Jeddah: Maktabat al-Irsyād. p. 368.

⁴⁸⁶ Ibn Qudāmah, 'Abd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arābī. Vol. 6. p. 305.

3.5.3. Hibah dengan Syarat Balasan

Pemberi hibah menghibahkan sesuatu harta kepada penerima hibah dengan syarat penerima hibah membalas hibah tersebut dengan gantian harta atau melakukan sesuatu tanggungjawab tertentu dikategorikan sebagai hibah dengan syarat balasan atau gantian. Contoh bagi perkara ini ialah seseorang menyebut, “Saya hibahkan tanah ini kepada kamu dengan syarat kamu menjaga saya sehingga saya meninggal dunia atau saya hibahkan rumah ini kepada kamu dan kamu gantikannya dengan kereta ini.”

Hibah dengan syarat balasan ialah satu akad pemberian hak milik harta semasa hidup secara sukarela kepada orang lain semasa hidup secara percuma atau dengan balasan yang tidak menafikan hakikat *tabarru* ‘ pemberian tersebut.⁴⁸⁷ Syarat balasan juga boleh berlaku dalam bentuk melunaskan hutang pemberi hibah. Sekiranya gantian atau balasan hibah yang disyaratkan dalam akad hibah adalah melunaskan hutang pemberi hibah tanpa ada syarat lain yang dipersetujui, maka penerima hibah hanya perlu melunaskan hutang pemberi hibah yang wujud ketika akad hibah berlaku.⁴⁸⁸

Semua syarat yang dinyatakan hendaklah memenuhi peraturan umum supaya syarat tersebut boleh dikuatkuasakan. Selain itu syarat tersebut hendaklah ditentukan dengan jelas dan merupakan syarat yang tidak menyalahi etika dan undang-undang.⁴⁸⁹ Sekiranya syarat yang terdapat dalam akad hibah tersebut boleh menafikan hakikat dan tujuan pemberian hibah, maka syarat tersebut terbatal walaupun akad hibah sah. Contohnya, “Saya

⁴⁸⁷ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaacob & Norazila Mat Hussain. 2017. “Konsep Hibah Bersyarat dan Aplikasinya dalam Perancangan Harta”. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Johor: Penerbit UTM. Vol. 4. No. 3-1. Keluaran Khas. p. 34.

⁴⁸⁸ n.a. n.d. *Undang-undang Sivil Jordan*. Perkara 573.

⁴⁸⁹ Nadir Abd Aziz. 2001. *‘Aqad al-Hibaṭ fi al-Qānūn al-Lubnānī wa al-Muqārīn*. Lubnān: al-Muassasat al-Hādithat li al-Kitāb. Vol. 1. p. 135-136.

menghibahkan barang ini kepada kamu dengan syarat kamu tidak menjualnya atau tidak menghibahkannya kepada sesiapa pun.”⁴⁹⁰

Sebahagian fuqaha berpendapat hibah adalah batal sekiranya pemberi hibah mensyaratkan kepada penerima hibah supaya tidak melakukan apa-apa transaksi terhadap tanah yang dihibahkan seperti digadai, dijual atau menyekat penerima hibah daripada bertasarruf walaupun hibah itu sendiri adalah sah dan berkuat kuasa jika memenuhi rukun dan syaratnya.⁴⁹¹ Kajian mendapati bahawa hibah dengan syarat balasan atau gantian dalam akad adalah harus sekiranya syarat tersebut menepati hukum syarak disertai pemberian hak milik harta kepada penerima hibah dan tidak bercanggah dengan tujuan pemberian hibah.⁴⁹²

Namun fuqaha berbeza pandangan berkaitan dengan keharusan hibah jenis ini seperti berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga
<p>Mazhab Hanafī kecuali Zufar yang menyatakan akad hibah dengan syarat gantian pada permulaannya dianggap sebagai akad hibah dan akhirnya dianggap sebagai akad jual beli.</p> <p>Hujahnya adalah terdapat dalam akad tersebut lafaz hibah dan makna jual beli.</p>	<p>Mazhab Maliki yang menyatakan akad hibah dengan syarat gantian dianggap sebagai akad jual beli, ia sah sama ada dinyatakan atau tidak jenis balasan atau</p>	<p>Pandangan ini dipegang oleh Mazhab Syafii, Hanbali dan Zufar yang menyatakan akad hibah dengan syarat gantian atau balasan adalah sah namun hukumnya adalah hukum akad jual beli dari permulaan sehingga penghujung.</p>

⁴⁹⁰ ‘Abd al-Bar, Muhammad Zaki. 1986. *Ahkām al-Mu‘āmalāt al-Māliyyah fī al-Madhhab al-Ḥanbali*. Qatar: Dār al-Thaqāfat, p. 492.

⁴⁹¹ ‘Al-Aqil, Jamal al-Din al-Taha. 1978. *‘Aqad al-Hibaḥ Bayna al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūnī al-Madānī*. Qāhira: Dār al-Huda, p. 147-148.

⁴⁹² Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2017. “Kedudukan Hibah Bersyarat dalam Produk Takaful: Sorotan Literatur”. *Al-Qanātir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 8. No. 1. Dis. p. 31.

<p>Oleh itu, telah berlaku dua akad iaitu akad hibah pada permulaannya tetapi akad jual beli pada penghujungnya.⁴⁹³</p> <p>Gantian tersebut hendaklah dinyatakan oleh penerima sebagai balasan sehingga diketahui oleh pemberi hibah. Sekiranya tidak dinyatakan, maka pemberian tersebut adalah hibah dan kedua-dua pihak berhak untuk menarik balik hibah.⁴⁹⁴</p>	<p>barang gantian yang disyaratkan.⁴⁹⁵</p> <p>Hibah berkuat kuasa sama ada harta telah diqabḍ ataupun tidak sekiranya bentuk balasan atau gantian telah ditentukan dan diketahui dalam syarat hibah dan dipersetujui bersama antara kedua-duanya. Namun jika sebaliknya, akad tersebut tidak berkuat kuasa sehingga berlaku <i>qabḍ</i>.⁴⁹⁶</p>	<p>Bentuk balasan atau gantian hendaklah dinyatakan secara jelas sebagai gantian yang disyaratkan oleh pemberi hibah. Namun gantian atau balasan tersebut tidak dikira sebagai akad hibah tetapi sebagai akad jual beli.⁴⁹⁷</p> <p>Hukum jual beli seperti hak <i>syuf'at</i>, <i>khiyār</i> dan ganti rugi terlaksana ke atasnya.⁴⁹⁸</p> <p>Akad tersebut terbatal sekiranya syarat balasan tersebut tidak ditentukan atau tidak diketahui.⁴⁹⁹</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 5: Keharusan hibah dengan syarat balasan

Dalam hal ini, pengkaji bersetuju dengan pandangan kumpulan ketiga iaitu akad hibah ini adalah sah namun hukumnya adalah hukum akad jual beli dari permulaan sehingga penghujung. Bahkan bentuk balasan atau gantian hendaklah dinyatakan secara jelas sebagai gantian yang disyaratkan oleh pemberi hibah. Hal ini kerana hibah jenis ini tidak memenuhi elemen yang ditetapkan oleh tafsiran hibah itu sendiri iaitu mestilah tanpa balasan.

⁴⁹³ Wahbah al-Zuhayli. 1989. *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr. Vol. 5. p. 29.

⁴⁹⁴ Al-Juzayri, 'Abd al-Rahman. 1986. *Kitāb al-Fiqh 'Ala Madhāhib al-Arba'a*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 3. p. 223-224.

⁴⁹⁵ Al-Juzayri, 'Abd al-Rahman. 1986. *Kitāb al-Fiqh 'Ala Madhāhib al-Arba'a*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 3. p. 223.

⁴⁹⁶ *ibid.* p. 222-223.

⁴⁹⁷ Al-Khatib, Muhammad bin Muhammad al-Sharbini. 1994. *Mughni al-Muhtāj ila Ma'rifat Ma'ānī al-alfāz al-Minhāj*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 3. p. 573.

⁴⁹⁸ Wahbah al-Zuhayli. 1989. *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr. Vol. 5. p. 30.

⁴⁹⁹ Al-Syafii, Muhammad bin Idris. 2000. *Al-'Umm*. Beirūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī. Vol. 4. p. 402.

3.5.4. Hibah *Fudūlī*

Hibah *al-fudūlī* ialah seseorang menghibahkan harta orang lain tanpa izin pemiliknya atau autoriti daripada syarak. Kalimah *al-fudūlī* digunakan oleh fuqaha bagi menggambarkan perbuatan seseorang bertasarruf ke atas harta atau hak orang lain tanpa izin yang sah oleh syarak.⁵⁰⁰ Fuqaha berbeza pandangan berkaitan hukum hibah jenis ini seperti berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua
Pendapat masyhur Mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali mengatakan hibah <i>al-fudūlī</i> ialah hibah yang batal. Justifikasinya adalah mustahil bagi seseorang untuk memberi hak milik ke atas sesuatu harta yang bukan miliknya. ⁵⁰¹	Mazhab Hanafi dan satu pendapat Mazhab Maliki mengatakan bahawa akad hibah <i>al-fudūlī</i> adalah sah, namun pada masa yang sama ia bergantung pada pengiktirafan atau persetujuan daripada tuan kepada harta yang dihibahkan. Jika tuan harta tidak membantah atau mengizinkan hibah <i>al-fudūlī</i> yang dilakukan, maka ia sah kerana pengiktirafannya menggambarkan hibah tersebut berasal daripadanya dan tasarruf seorang wakil bukan lagi tasarruf <i>fudūlī</i> dan begitulah sebaliknya. ⁵⁰²

Jadual 6: Keharusan hibah *fudūlī*

Pengkaji bersetuju dengan pandangan kumpulan pertama berkaitan keharusan hibah jenis ini kerana barang yang dihibahkan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam rukun hibah iaitu menjadi milikan penuh kepada pemberi hibah. Hibah jenis ini dilihat akan menggalakkan pengambilan dan penggunaan harta orang lain tanpa izin dan boleh mendatangkan kemudharatan kepada pemilik barang tersebut.

⁵⁰⁰ Al-Shalabī, Shihāb al-Dīn Aḥmad. 1315H. *Hāshiyat al-Shalabī 'alā Tabyīn al-Haqā'iq*. Fakhr al-Dīn 'Uthmān bin 'Alī al-Zayla'ī. *Tabyīn al-Haqā'iq Syarḥ Kanz al-Daqā'iq*. Būlāq. Mesir: Maṭba'at al-Kubrā al-Amīriyyah. Vol. 4. p. 103.

⁵⁰¹ Al-Bujayrmī, Sulaymān bin Muḥammad bin 'Umar. 1996. *Al-Bujayramī 'alā al-Khaṭīb: Tuḥfat al-Ḥabīb 'alā Syarḥ al-Khaṭīb*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. Vol. 3. p. 280.

⁵⁰² Ibn 'Ābidīn, Muhammad Amin bin Umar. 1966. *Ḥasyiat Radd al-Mukhtār*. n.pl: Mustafa al-Babi al-Halabi. Vol. 7. pp. 311-312.

3.5.5. Hibah Hutang

Perbahasan berkaitan dengan hibah hutang ini boleh dilihat daripada perbuatan pemiutang menghibahkan hutang kepada penghutang yang berhutang dengannya dan perbuatannya menghibahkan hutang kepada selain orang yang berhutang. Fuqaha bersependapat bahawa hibah ini harus dan dikira sebagai *ibrā'* hutang apabila pemilik hutang atau pemiutang menghibahkan hutang kepada orang yang berhutang dengannya. Hibah hutang ini tidak memerlukan *qabd* yang baharu kerana pada satu sudut, hutang dianggap sebagai harta, dan dalam situasi ini harta yang dihibahkan telah berada dalam tangan orang yang berhutang.⁵⁰³ Namun fuqaha berbeza pendapat apabila seorang pemilik hutang menghibahkan hutang kepada selain individu yang berhutang dengannya seperti berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua
<p>Mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat hibah hutang kepada selain orang yang berhutang adalah harus. Hutang ialah sesuatu yang harus dilakukan jual beli dan dilakukan akad <i>mu'āwadat</i> ke atasnya. Pemilik hutang boleh menghibahkannya kepada sesiapa sahaja Hibah ini boleh diqabd dengan melakukan <i>qabd</i> ke atas surat perjanjian cagaran, dan memaklumkan penerima cagaran bahawa harta yang dicagar telah dihibah kepada seseorang.⁵⁰⁴</p>	<p>Pendapat <i>sahih</i> Mazhab Syafii dan Hanbali mengatakan perbuatan pemilik hutang menghibahkan hutangnya kepada bukan orang yang berhutang dengannya adalah tidak sah dan tidak harus. <i>Qabd</i> ialah syarat bagi hibah yang sah, tetapi hutang bukanlah suatu harta yang berbentuk fizikal, melainkan suatu bentuk tanggungjawab atau kewajipan penghutang ke atas pemiutang. Hutang bukan suatu aset nyata yang boleh diserahkan dan dilakukan <i>qabd</i> ke atasnya.⁵⁰⁵</p>

Jadual 7: Keharusan hibah hutang

⁵⁰³ Al-Nawawi, Abi Zakaria Muhyiddin bin Syarf. 1995. *Al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhdhab li al-Syīrāzī*. Jeddah: Maktabat al-Irsyād. p. 436.

⁵⁰⁴ Khalīl bin Ishāq. 2011. *Al-Tawdīḥ Syarḥ Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājjib*. Muḥammad Uthmān. (ed.). Beirūt: Dār al-Kutūb al-ʿIlmiyyah. Vol. 5. pp. 654-655.

⁵⁰⁵ Ibn Qudāmah, ʿAbd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-ʿArabī. Vol. 6. p. 251.

Pengkaji bersetuju dengan pandangan kumpulan kedua berkaitan keharusan hibah jenis ini kerana hutang bukan suatu asset yang nyata dan yang boleh dilihat wujud semasa hibah dilakukan. Hal ini bermakna hibah jenis ini tidak memenuhi syarat yang ditetapkan bagi rukun berkaitan barang hibah. Hibah jenis ini dilihat akan menggalakkan pemindahan tanggungjawab kepada orang lain dan boleh mendatangkan kesusahan kepada pihak yang terlibat.

3.6. Penarikan Balik Hibah

Kalangan fuqaha berbeza pendapat mengenai kesempurnaan rukun hibah yang menatijahkan kesan hukum berbeza. Golongan fuqaha pertama berpendapat bahawa hibah tidak berkuat kuasa tanpa *qabd*, dan mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd*. Golongan fuqaha kedua berpendapat bahawa *qabd* bukan syarat berkuat kuasanya hibah dan hibah berlaku hanya dengan akad, seterusnya tidak mengharuskan penarikan balik hibah sebelum *qabd*. Oleh yang demikian, pada dasarnya dapat dirumuskan bahawa kalangan fuqaha mempunyai perbezaan pendapat apabila berlaku penarikan hibah sebelum *qabd* dengan penarikan hibah selepas berlakunya *qabd*.⁵⁰⁶ Perbezaan pendapat berkaitan dengan keharusan penarikan balik hibah sebelum *qabd* boleh dibahagikan kepada tiga pendapat berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga
Mazhab Hanafi, Syafii, Imamiyyah, Zaidiyyah dan satu riwayat daripada Mazhab	Mazhab Maliki dan Zahiri tidak mengharuskan penarikan balik hibah	Riwayat lain Mazhab Hanbali mengharuskan penarikan balik hibah sebelum <i>qabd</i> jika barang yang dihibahkan itu berbentuk

⁵⁰⁶ Noor Lizza binti Mohamed Said, Mohd Ridzuan bin Awang & Amir Husin bin Mohd Nor. 2010. "Qabd dan Hukum Penarikan Balik Hibah". *Jurnal Muamalat*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM. Vol. 2. p. 165-171.

Hanbali mengharuskan penarikan balik hibah sebelum <i>qabd</i> . ⁵⁰⁷	sebelum <i>qabd</i> . Akad hibah berkuat kuasa dengan lafaz <i>ijāb</i> dan <i>qabūl</i> tanpa perlu kepada <i>qabd</i> . ⁵⁰⁸	barang yang disukat atau ditimbang. Namun tidak harus menarik balik hibah tersebut sebelum berlakunya <i>qabd</i> jika barang tersebut tidak boleh disukat atau ditimbang. ⁵⁰⁹
---------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 8: Keharusan menarik balik hibah sebelum *qabd*

Sehubungan dengan perkara ini juga, ulama berbeza pendapat tentang penarikan balik hibah yang telah sempurna dengan *qabd* oleh penerima hibah kecuali hibah seorang bapa kepada anaknya. Perbezaan fuqaha berkaitan isu ini boleh dibahagikan kepada tiga sebagaimana berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua	Pendapat Ketiga
Mazhab Syafii, Hanbali, Abu Thawri, Ibn Hazm, Daud al-Zahiry dan sahabat-sahabat mereka berpendapat tidak harus bagi pemberi hibah menarik balik hibahnya ⁵¹⁰ yang telah sempurna. ⁵¹¹	Mazhab Hanafi, Imamiyyah dan Zaydiyyah ⁵¹² berpendapat harus menarik balik hibah yang telah diberikan jika hibah itu diberikan kepada <i>ajnabi</i> ⁵¹³ dan telah sempurna <i>qabd</i> kecuali jika terdapat perkara yang menghalang penarikan balik hibah. ⁵¹⁴ Namun fuqaha Mazhab	Al-Nakhaie, al-Thawri dan Ishak berpendapat hibah boleh ditarik balik sekiranya diberikan kepada selain daripada kaum kerabat dan hibah yang tiada syarat balasan walaupun telah sempurna

⁵⁰⁷ Hasan Muhammad Buda. 2004. *Mawānī' al-Rujū' fi al-Hibat fi al-Fiqh al-Islāmiyy wa al-Qānūn al-Wad'iyy*. Iskandariyyah: Dār al-Jāmi'at al-Jadīdat li al-Nasyr. p. 69.

⁵⁰⁸ ibid. p. 72.

⁵⁰⁹ ibid.

⁵¹⁰ Ibn Qudāmah, 'Abd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arābī. Vol. 6. p. 290.

⁵¹¹ Hibah yang sempurna menurut Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah barang yang dihibah telah diterima oleh penerima hibah (*qabd*) dan menjadi miliknya. Manakala menurut Mazhab Zahiri, hibah dikira sempurna dengan sempurnanya akad.

⁵¹² Hasan Muhammad Buda. 2004. *Mawānī' al-Rujū' fi al-Hibat fi al-Fiqh al-Islāmiyy wa al-Qānūn al-Wad'iyy*. Iskandariyyah: Dār al-Jāmi'at al-Jadīdat li al-Nasyr. p. 73.

⁵¹³ Sesiapa yang bukan tergolong daripada kaum kerabat yang menjadi mahram kepada pemberi hibah.

⁵¹⁴ Muhammad Husni Ibrahim Salim. 1994. *Al-Hibat fi al-Fiqh Al-Islāmiyy Dirāsāt Muqāranāt*. Qāhira: Dār al-Tabā'at al-Muhammadiyah. p. 100.

	Hanafi menyatakan ia makruh dan tidak digalakkan. ⁵¹⁵	penyerahan hibah tersebut. ⁵¹⁶
--	------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------

Jadual 9: Keharusan menarik balik hibah yang dibuat oleh selain bapa

Setelah pengkaji meneliti, pengkaji cenderung untuk bersetuju dengan pendapat pertama yang menyatakan bahawa harus untuk pemberi hibah menarik balik hibah yang belum sempurna iaitu sebelum *qabḍ* dilakukan kerana rukun dan syarat hibah masih belum sempurna. Pengkaji juga bersetuju dengan pendapat pertama yang menyatakan bahawa tiada sebarang penarikan balik hibah boleh dilakukan apabila hibah itu telah sempurna iaitu *qabḍ* telah dilakukan dan ditlaksanakan oleh penerima hibah. Hal ini kerana apabila semua rukun dan syarat telah dipenuhi maka hibah tersebut hendaklah berkuatkuasa.

Sebagai tambahan dalam perkara ini, bapa diharuskan untuk menarik balik hibah yang dibuat kepada anak kandungnya. Pandangan ini dipersetujui oleh *jumhūr* fuqaha Mazhab Maliki, Syafii, Hanbali dan Zahiri⁵¹⁷ dengan syarat-syarat tertentu sama ada tujuannya adalah untuk memberi kesamarataan pemberian kepada anak-anak atau tanpa tujuan tersebut.⁵¹⁸ Keadaan ini merupakan pengecualian berdasarkan sebuah Hadis Baginda SAW dengan status *hasan ṣahih* yang berbunyi:

لا يجل لأحد أن يعطي عطية فيرجع فيها إلا الوالد فيما يعطي ولده

“Tidak halal bagi seorang yang telah menghulurkan satu pemberian menarik kembali pemberiannya melainkan pemberian seorang bapa kepada anaknya.”⁵¹⁹ (Riwayat Abu Daud (3539), Tirmizi (2132))

⁵¹⁵ Al-Qadiri, Muhammad bin Husayn bin ‘Ali. 1997. *Takmilat al-Baḥr al-Ra’iq Syarḥ Kanz al-Daqa’iq*. Beḥrūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 7. p. 494.

⁵¹⁶ *ibid.* p. 100.

⁵¹⁷ Al-Damiri, Muhammad bin Musa bin ‘Isa. 2004. *Al-Najm al-Wahhaj fi al-Syarḥ al-Minhā*. n.pl: Dār al-Minhāj. Vol. 5. p. 556-557.

⁵¹⁸ Inas Abbas Ibrahim. 1993. “Hibah al-aba’ li abnaihīm hāl al-hayaṭ”. *Majalat al-Shari’aṭ wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlīs al-Nasyr al-‘Ilmi fi Jāmi’at al-Kuwaīt. Vol. 19. p. 90-91.

⁵¹⁹ Al-Nasai, Ahmad Ibn Shu’aib. n.d. *Sunan al-Nasā’iy bi Syarḥ al-Hāfiz Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī*. Beḥrūt: Dār al-Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī. Vol. 6. p. 264-265.

Manakala Mazhab Hanafi, al-Thawri dan satu riwayat lain daripada Imam Ahmad pula tidak mengharuskan penarikan balik hibah bapa kepada anaknya.⁵²⁰ Walaupun *jumhūr* fuqaha mengharuskan bapa untuk menarik balik hibah yang telah dibuat kepada anaknya, namun fuqaha berbeza pendapat bagi pihak selain daripada bapa sebagaimana rumusan berikut:

Pendapat Pertama	Pendapat Kedua
<p>Mazhab Maliki berpendapat hanya bapa yang harus menarik balik hibah daripada anaknya⁵²¹ tanpa mengira sama ada anak lelaki atau perempuan; kanak-kanak atau dewasa; kaya atau miskin dengan syarat harta yang dihibah masih menjadi milik anak dan tidak terikat dengan hak orang lain.⁵²² Ibu juga berhak menarik balik hibah daripada anaknya yang masih mempunyai bapa tidak kira anak tersebut masih kecil atau telah dewasa.⁵²³</p>	<p>Mazhab Syafii dan Hanbali pula berpendapat penarikan balik hibah diharuskan kepada bapa dan usulnya iaitu datuk dan nenek, begitu juga kepada ibu dan usulnya⁵²⁴ walaupun berlainan agama menurut pendapat yang masyhur. Keharusan tersebut tanpa melihat kepada kedudukan anak sama ada miskin atau kaya; masih kecil ataupun telah dewasa; dan juga sama ada sebelum atau selepas <i>qabd</i>.⁵²⁵</p>

Jadual 10: Keharusan menarik balik hibah kepada selain anak

Dalam isu keharusan bapa menarik balik hibah yang telah diberikan kepada anaknya, pengkaji cenderung memilih pendapat kedua berbanding yang pertama. Hal ini kerana ia berkait rapat dengan prinsip perwalian dan kebertanggungjawaban di antara ahli keluarga

⁵²⁰ Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah bin Ahmad. n.d. *Al-Mughni*. Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arābī. Vol. 6. p. 270.

⁵²¹ Al-Zuhayli, Muhammad. 2007. *Al-Mu’tamad fi al-Fiqh al-Syafi’i*. Damsyiq: Dār al-Qalam. p. 154.

⁵²² Inas Abbas Ibrahim. 1993. “Hibah al-aba’ li abnaihīm hāl al-hayaṭ”. *Majalat al-Shari’at wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. Kuwait: Majlis al-Nasyr al-‘Ilmi fi Jāmi’at al-Kuwaīt. Vol. 19. p. 91.

⁵²³ Hasan Muhammad Buda. 2004. *Mawani’ al-Rujū’ fi al-Hibat fi al-Fiqh al-Islāmiy wa al-Qānūn al-Wad’iy*. Iskandariyyah: Dār al-Jāmi’at al-Jadīdat li al-Nasyr. p. 80.

⁵²⁴ Al-Damiri, Muhammad bin Musa bin ‘Isa. 2004. *Al-Najm al-Wahhaj fi al-Syarḥ al-Minhā*. n.pl: Dār al-Minhāj. Vol. 5. p. 154.

⁵²⁵ Al-Khatib, Muhammad bin Muhammad al-Sharbini. *Al-Iqna’ fi Hāl Alfāz Abi Syujā’*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah. Vol. 2. p. 173.

yang amat diambil berat dalam agama Islam bermula daripada bapa dan usulnya iaitu datuk dan nenek, begitu juga kepada ibu dan usulnya.

Walau bagaimanapun, keharusan penarikan balik hibah yang dibuat oleh bapa terhadap anaknya hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat yang mengharuskan penarikan balik hibah mengikut pendapat fuqaha adalah seperti berikut:

- i. Harta yang dihibahkan masih lagi menjadi milik anak yang menerima hibah tersebut dan belum menjadi milik orang lain. Syarat ini merupakan syarat yang ditetapkan oleh Mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali,⁵²⁶
- ii. Harta atau barang yang dihibahkan masih berada dalam jagaan atau urusan anak yang menerima hibah. Sekiranya anak telah menggadaikan barang yang dihibahkan atau dia telah muflis dan ditegah daripada menguruskan hartanya, maka bapa tidak boleh menarik balik hibah tersebut berdasarkan pendapat Mazhab Hanbali.⁵²⁷ Fuqaha Mazhab Syafii pula tidak menjadikan gadaian dan pinjaman atas tanah yang dihibah sebagai halangan untuk bapa menarik balik hibahnya kerana barang yang dihibahkan itu masih di bawah penguasaan anak,⁵²⁸
- iii. Hibah yang diberikan bukan menjadi sebab orang menyukai anak yang menerima hibah atau mendapat kedudukan dalam masyarakat. Bapa tidak diharuskan menarik balik hibah menurut pendapat Mazhab Maliki dan satu riwayat daripada Imam Ahmad kerana hibah tersebut berkait dengan hak orang lain selain anak yang

⁵²⁶ Al-Damiri, Muhammad bin Musa bin 'Isa. 2004. *Al-Najm al-Wahhaj fi al-Syarh al-Minhā*. n.pl: Dār al-Minhāj. Vol. 5, p. 158.

⁵²⁷ Muhammad Husni Ibrahim Salim. 1994. *Al-Hibat fi al-Fiqh Al-Islāmiy Dirāsah Muqāranah*. Qāhirah: Dār al-Tabā'at al-Muhammadiyah. p. 113.

⁵²⁸ Al-Khatib, Muhammad bin Muhammad al-Sharbini. *Al-Iqna' fi hāl alfāz Abi Syujā'*. Beirūt: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah. p. 173.

menerima hibah. Penarikan balik hibah tersebut akan menyebabkan kemudaratan terhadap orang lain dan ia dilarang dalam Islam,⁵²⁹

- iv. Tidak berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan atau dipisahkan pada barang yang dihibah seperti lemak atau gemuk. Syarat ini merupakan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad yang tidak mengharuskan bapa menarik balik hibah daripada anaknya yang telah berlaku pertambahan yang tidak boleh diasingkan. Menurut Mazhab Maliki pertambahan atau pengurangan yang berlaku ke atas barang yang dihibahkan kepada anak dihalang daripada ditarik balik oleh bapa,⁵³⁰
- v. Tidak bertujuan untuk mendapat balasan atau ganjaran di akhirat atau untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan kasih sayang antara mereka menurut pendapat Mazhab Maliki.⁵³¹

3.7. Pemakaian Hibah di Malaysia

Syariat Islam telah menggariskan panduan lengkap berkaitan dengan pengurusan harta manusia sama ada semasa hidup mahupun selepas kematian semata-mata demi mencari keredaan Allah di dunia dan akhirat. Sekiranya pengurusan harta tersebut melibatkan urusan dan hal-ehwal selepas kematian, maka syariat telah menyediakan panduan pengurusan harta yang lengkap dan sistematik melalui undang-undang pusaka Islam. Selain itu, syariat juga menyediakan panduan yang jelas dalam pengurusan harta semasa hidup

⁵²⁹ Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. n.d. *Al-Mughni*. Beirut: Dār al-Fikr. Vol. 6. p. 278.

⁵³⁰ Wahbah al-Zuhayli. 1989. *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr. p. 27.

⁵³¹ Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, Mohd Zamro Muda & Abdul Basher Mohamad. 2013. "Revocation of Gift (Hibah) According to Islamic Law and its Practice under Syria Civil Law 1949". *International Business Management*. n.pl: Medwell Publications. Vol. 7. No. 1. p. 5.

melalui instrumen hibah. Hibah merupakan salah satu instrumen pengurusan harta yang telah disyariatkan oleh Islam semasa masih hidup selain wasiat, faraid dan wakaf.⁵³²

Secara tradisinya hibah berfungsi sebagai mekanisme dalam pengagihan harta yang tujuannya untuk menerbitkan rasa saling sayang-menyayangi sesama ahli keluarga, kerabat dan kenalan, selain bertujuan untuk membantu kalangan mereka yang memerlukan. Seiring dengan perkembangan semasa yang lebih moden dan sofistikated, pemakaian hibah di Malaysia semakin meluas dan mendapat perhatian masyarakat Islam sebagai salah satu instrumen yang boleh digunakan dalam menguruskan harta. Perkembangan ini boleh disimpulkan berdasarkan faktor yang berikut:

3.7.1. Hibah sebagai instrumen pembahagian dan pengurusan harta

Hibah adalah salah satu instrumen dalam perancangan harta semasa masih hidup pada masa kini yang sangat signifikan untuk diamalkan oleh umat Islam di Malaysia. Instrumen hibah ini berbeza dengan faraid kerana tindakan pemberian harta dibuat ketika masih hidup manakala faraid pula instrumen yang terbaik dalam pengurusan harta selepas kematian seseorang. Instrumen hibah amat digalakkan dalam agama Islam sekiranya dilakukan dengan niat yang baik dan selaras dengan kehendak syarak bagi mengelakkan sebarang pertikaian dan perebutan harta.⁵³³ Hibah juga dilihat mampu menjadi instrumen yang berkesan dalam pengagihan harta sebelum harta menjadi pusaka. Harta yang menjadi pusaka ada ketikanya terpaksa menghadapi pelbagai masalah untuk diuruskan dan diagih-agihkan melalui faraid kerana mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Bahkan

⁵³² Mohd Zamro bin Muda, W. Y. 2006. "Konsep Harta dan Kepentingan Pengurusannya menurut Persepektif Islam". *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam*. Selangor: Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd. pp. 1-14.

⁵³³ Siti Wahidah Zakaria & Md Yazid Ahmad. 2016. "Analisis Literatur terhadap Pelaksanaan Dokumentasi Hibah dalam Industri Perancangan Harta di Malaysia". *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016*. Bangi: UKM. p. 776.

terdapat situasi pengurusan harta pusaka yang terus tergantung tanpa penyelesaian, dan harta menjadi harta beku serta tidak dapat dimanfaatkan yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada rantaian sosioekonomi masyarakat. Pembahagian harta yang dilaksanakan melalui hibah menjadi jauh lebih mudah dan dapat memberi faedah kepada waris-waris malahan dapat memberi kebaikan kepada orang yang telah meninggal dunia.⁵³⁴

Di sini kita dapat melihat bahawa hibah merupakan satu alternatif pengurusan harta yang membawa tujuan atau maksud yang sama dengan mekanisme pewarisan harta yang lain iaitu pengagihan harta kekayaan secara adil; boleh memupuk kasih sayang sesama waris, ahli keluarga atau kerabat; serta mengelakkan daripada berlakunya permusuhan antara ahli keluarga.⁵³⁵ Menariknya dalam membincangkan instrumen ini, hibah mempunyai kelebihan dari sudut formula pembahagian hibah yang memberi kuat kuasa sepenuhnya kepada pemberi hibah mengikut hasratnya sendiri.⁵³⁶ Bahkan pemindahan hartanah secara hibah juga boleh berkuat kuasa serta merta selepas akad sempurna.⁵³⁷

Perkembangan hibah sebagai instrumen pengurusan harta juga boleh dibuktikan dengan bertambahnya permohonan pengesahan hibah di mahkamah syariah. Sebagai contoh, pertambahan pendaftaran kes hibah di negeri Melaka dilihat semakin memberangsangkan pada tahun 2015 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Dalam hal ini data menunjukkan hanya terdapat 12 kes pendaftaran kes hibah di negeri Melaka pada tahun 2013, yang kemudiannya berjumlah 22 kes pada tahun 2014, dan pada tahun

⁵³⁴ Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. "Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat dari Pelbagai Aspek untuk Kemajuan Ummah". *Jurnal Hadhari*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 5. No. 1. p. 98.

⁵³⁵ Siti Zalikhah Md. Nor. 2002. "Pengurusan Wakaf, Wasiat & Hibah di Malaysia." Dlm. *Isu Syariah dan Undang-undang*. Mohamad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad, Anwar Fakhri Omar & Mohd Zamro Muda. (ed.). Vol. 11. p.1.

⁵³⁶ Ariffin Sabirin. n.d. "Hibah: Cara Paling Berkesan Bahagikan Harta". Berita Pengurusan Harta. *Majalah Usahawan Sukses*. p. 58.

⁵³⁷ Ahmad Hidayat Buang. 2008. "Appreciation of Syari'ah Principles in Property Management in Comtemporary Malaysian Society". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM. Vol. 16. Edisi Khas. p. 563.

2015 dengan 31 kes.⁵³⁸ Manakala di negeri Selangor, statistik menunjukkan kes hibah yang didaftarkan pada 2010 hanyalah sebanyak 12 kes pada tahun tersebut, namun berlaku peningkatan yang ketara pada tahun-tahun berikutnya. Pada 2019 negeri Selangor telah berjaya merekodkan pendaftaran kes hibah sebanyak 130 kes.⁵³⁹

Perkembangan perancangan harta melalui hibah juga dapat dilihat apabila lahirnya pelbagai institusi yang menjadikan hibah sebagai suatu perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada masyarakat. Selain itu hibah juga dijadikan sebagai asas kepada produk baharu yang dibangunkan dalam perancangan harta. Kesannya, lahirlah pelbagai bentuk perkhidmatan melibatkan hibah yang ditawarkan termasuklah dari aspek penyediaan dokumen dan kaedah pengurusan yang dikenakan fi dalam menguruskan hibah. Oleh itu, perbezaan dan kepelbagaian yang ada ini memberi kesan berbeza terhadap perkhidmatan hibah yang ditawarkan.⁵⁴⁰ Kajian mendapati bahawa banyak agensi, institusi atau syarikat yang menawarkan perkhidmatan dan produk berasaskan hibah sebagai instrumen dalam menguruskan harta orang Islam seperti Amanah Raya Berhad, Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd., as-Salihin Trustee Berhad, Amalan Harmoni Sdn. Bhd, CIMB, Tabung Haji, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Prudential BSN Takaful Berhad dan lain-lain.

Kajian itu juga mendapati antara perkhidmatan dan produk hibah yang ditawarkan oleh institusi-institusi ini ialah hibah bersyarat yang ditawarkan dalam bentuk yang

⁵³⁸ Khairiah Ahmad, Rozaiha Ab Majid, Zaharah Abdullah, Siti Fatimah Noor Minhad & Shafinar Ismail. 2016. "Acceptance of Hibah as an Alternative Mechanism in Muslims Asset Management". *SHS Web of Conferences Journal*. France: n.pb. Vol. 36. 24 Jul. p. 5.

⁵³⁹ Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab. Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Statistik Pendaftaran Permohonan Pengesahan Hibah. (Temu bual). 20 Okt. 2020.

⁵⁴⁰ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. Apr. p. 32.

komersial.⁵⁴¹ Syarikat dan agensi tersebut turut menawarkan produk-produk hibah seperti hibah mutlak; hibah dengan amanah; hibah dengan syarat *'umrā* dan *ruqbā*; dan pelbagai bentuk yang lain⁵⁴² seperti yang berikut:

a. Hibah Mutlak

Hibah mutlak bermaksud penghibah memindahkan hak milik harta kepada penerima hibah secara langsung berdasarkan rukun, syarat dan *qabḍ* yang telah ditetapkan oleh hukum syarak, dan proses pindah milik harta tersebut adalah secara serta-merta. Apabila semua rukun telah dipenuhi maka penerima hibah menjadi pemilik yang baharu bagi barang tersebut dan secara dasarnya pemberi hibah tidak lagi mempunyai hak untuk membatalkan hibah tersebut. Oleh sebab hibah mutlak ini bersifat sekali sahaja (*one off*) dan selesai secara serta-merta, maka hibah mutlak kurang diberi perhatian oleh agensi atau syarikat amanah kerana mereka memberi tumpuan yang lebih terhadap produk hibah yang bersifat lebih komersial dan boleh menghasilkan keuntungan secara berterusan.

Dengan sifatnya yang ringkas, maka prosedur hibah mutlak ini amat mudah dan pemilik harta boleh melakukannya sendiri sama ada melakukannya secara lisan atau memindah pemilikan hartanah miliknya di pejabat tanah melalui Borang 14A.⁵⁴³ Pindah milik melalui prosedur ini tetap dikira sebagai hibah mutlak walaupun proses tersebut dilakukan secara sivil, iaitu melalui Borang 14A seperti yang diperuntukkan dalam Kanun

⁵⁴¹ Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2017. "Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia". *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM. Vol. 39. No. 2. Apr. p. 84.

⁵⁴² Siti Wahidah Zakaria & Md Yazid Ahmad. 2016. "Analisis Literatur terhadap Pelaksanaan Dokumentasi Hibah dalam Industri Perancangan Harta di Malaysia". *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016*. Bangi: UKM. p. 825.

⁵⁴³ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Johor: Penerbit UTM Press. p. 14.

Tanah Negara (KTN) 1965.⁵⁴⁴ Bahkan, hibah mutlak ini lebih mudah untuk ditentukan oleh mahkamah syariah terutama dalam kes-kes pengesahan hibah yang dibuat oleh pemberi hibah semasa hidup lagi. Walau bagaimanapun, sekiranya pengesahan dibuat setelah kematian pemberi hibah maka kesahan hibah tersebut bergantung pada pembuktian rukun hibah yang dikemukakan oleh pihak-pihak.

b. Hibah Bersyarat

Hibah yang menggunakan *ṣīghat* secara *idāfat*, *tawkid* dan *ta'liq* ini dikategorikan sebagai hibah bersyarat. Hibah ini juga boleh dilakukan dengan bentuk *taqyīd*, iaitu akad hibah yang bergantung dengan syarat. Hibah dengan syarat dibahagikan kepada hibah dengan syarat *'umrā*, hibah dengan syarat *ruqbā* dan hibah dengan syarat balasan.⁵⁴⁵ Hibah bersyarat dapat disimpulkan sebagai pemberian hibah berdasarkan syarat atau berdasarkan *ta'liq* oleh sebab berlakunya suatu keadaan dalam kontrak hibah. Dalam konsep ini, hibah hanya akan berkesan apabila keadaan tertentu berlaku. Apabila keadaan yang ditentukan itu telah berlaku, maka kontrak hibah akan berkuat kuasa.⁵⁴⁶

Hibah bersyarat ialah satu akad pemberian hak milik harta semasa hidup secara sukarela kepada orang lain semasa hidup secara percuma atau dengan balasan yang tidak menafikan hakikat *tabarru'* pemberian tersebut.⁵⁴⁷ Kajian menunjukkan kebanyakan kes hibah bersyarat diputuskan oleh hakim-hakim syarie berpandukan kitab-kitab fiqh sahaja

⁵⁴⁴ Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zamani & Rosamiza Meor Razak. 2019. "Analisis Tema terhadap Keperluan Undang-undang Hibah di Malaysia". *Al-Qanātir International of Islamic Studies*. Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 16. No. 1. Okt. p. 4.

⁵⁴⁵ Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2017. "Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia". *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM. Vol. 39. No. 2. Apr. p. 84.

⁵⁴⁶ Azlin Alisa Ahmad, Siti Mutiara Mohd Azman, Nadhirah Nordin & Salmi Edawati Yaacob. 2020. "Shariah Parameters for Conditional Hibah in Preference Shares Structuring". *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. Pakistan: n.pb. Vol. 10. No. 11. p. 116.

⁵⁴⁷ Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaacob, Norazila Mat Hussain. 2017. "Hibah Bersyarat dan Aplikasinya dalam Perancangan Harta". *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Johor: UTM. Vol. 3. No. 3. p. 34.

kerana tiada statut hibah yang boleh dijadikan sebagai rujukan undang-undang. Oleh itu, terdapat kepelbagaian dalam keputusan hakim syarie mengenai hibah bersyarat. Walaupun tiada keputusan hakim syarie yang bersalahan dengan hukum syarak namun kepelbagaian keputusan dalam isu ini boleh menimbulkan salah faham kepada masyarakat amnya dan pihak-pihak yang terlibat kerana berlaku penolakan hibah jenis ini pada satu masa tetapi dibenarkan pada masa yang lain. Selain itu, kepelbagaian keputusan tersebut menunjukkan wujud ketidakseragaman dan ketidakadilan yang sama untuk masyarakat.

Dalam kes *Daud Idris lwn Saiyah Said dan 9 Yang Lain*,⁵⁴⁸ Plaintiff telah memfailkan permohonan pengesahan hibah berdasarkan suatu memorandum persetujuan hibah yang telah dilafazkan dan ditandatangani olehnya dan semua penerima hibah, iaitu isteri dan lapan orang anaknya. Berdasarkan memorandum ini, terdapat satu frasa yang menyatakan harta akan dipindah semula kepada pemberi hibah sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Dalam kes ini, mahkamah berpuas hati bahawa pemberi hibah, iaitu Plaintiff yang memohon supaya hibah yang dilakukan beliau adalah sah.

Produk hibah berkonsep *ruqbā* banyak diguna pakai oleh syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia sedangkan *jumhūr* fuqaha berpendapat bahawa syarat *ruqbā* dalam hibah adalah tidak diharuskan. Hal ini bermaksud hibah *ruqbā* adalah sah tetapi syaratnya terbatal. Bagi melihat kesahan produk hibah *ruqbā* ini, keputusan yang dibuat oleh hakim-hakim syarie hendaklah dirujuk kerana hanya mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa mengesahkan hibah ini.⁵⁴⁹ Dalam kes *Mohd Akbar Shafawi lwn Fara Soraya Tarmizi dan*

⁵⁴⁸ *Daud Idris lwn Saiyah Said dan 9 Yang Lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Seremban. Negeri Sembilan. Saman No.: 05100-044-0178-2010.

⁵⁴⁹ Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. "Keputusan Hakim Syarie dalam Kes-kes Pengesahan Hibah Ruqba". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 1. No. 2. p. 97.

Khafil Rusyaidi Kamarul Rasydan,⁵⁵⁰ mahkamah telah meluluskan permohonan pengesahan hibah Pemohon terhadap harta alih, harta tak alih dan manfaat takaful bersandarkan keputusan Mesyuarat ke-34 Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) yang menerima pakai hibah *ruqbā*. Konsep hibah manfaat takaful adalah bersamaan dengan hibah *ruqbā* kerana dikaitkan dengan kematian peserta.

Selain itu, kes *Salmah Osman lwn CIMB Islamic Trustee*,⁵⁵¹ Plaintiff menuntut mahkamah untuk mengesahkan hibah yang dibuat oleh Som Abdullah kepadanya dan kepada anak angkatnya iaitu Minah Osman menerusi satu *sīghat* hibah yang berkonsepkan hibah *ruqbā* melalui dokumen perisytiharan. Namun, Minah Osman meninggal dunia sebelum pemberi hibah meninggal dunia. Kemudian Som Abdullah mengambil semula harta tersebut dan diberikan kepada Plaintiff dengan alasan sekiranya berlaku kematian salah satu pihak, harta hibah akan diserahkan kepada pihak yang masih hidup berdasarkan konsep hibah *ruqbā*. Hakim Bicara tidak membatalkan syarat tersebut tetapi memutuskan bahawa ia bukan hibah tetapi sebagai wasiat untuk Plaintiff yang hanya berhak mendapat 1/3 bahagian sebagai jumlah paling maksimum daripada harta peninggalan tersebut. Keputusan Hakim Bicara ini tidak mengikut pendapat *jumhūr* fuqaha tetapi mengguna pakai pandangan yang dipegang oleh al-Zuhri.⁵⁵²

Pengkaji sendiri mempunyai perbezaan pendekatan sekiranya diberi tanggungjawab untuk memutuskan kes ini. Pengkaji lebih cenderung untuk menggunakan pendapat Mazhab Syafii berdasarkan *qawl jadīd* Imam Syafii dan Hanbali berpendapat hibah *ruqbā*

⁵⁵⁰ *Mohd Akbar Shafawi lwn Fara Soraya Tarmizi dan Khafil Rusyaidi Kamarul Rasydan*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan. Pahang. Saman No.: 06100-044-0473-2014.

⁵⁵¹ *Salmah Osman v CIMB Islamic Trustee*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saman No.: 14700-044-0150-2013.

⁵⁵² Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. "Keputusan Hakim Syarie dalam Kes-kes Pengesahan Hibah Ruqba". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 1. No. 2. p. 98.

adalah sah sama seperti *'umra* tetapi syarat *ruqbā* tersebut terbatal. Pengkaji berpandangan pendapat ini lebih tepat dan sesuai dengan fakta kes di atas apatah lagi ini adalah pandangan *jumhūr* berbanding al-Zuhri.

Berdasarkan penjelasan di atas, keputusan mahkamah syariah terhadap penggunaan syarat *'umrā* dan *ruqbā* adalah tidak seragam dan pendapat ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian yang merumuskan bahawa hakim syarie mengguna pakai pendapat fuqaha yang berbeza dalam memutuskan isu berkaitan dengan lafaz *qabūl* secara perbuatan. Pemilihan penggunaan pendapat-pendapat mazhab fiqh adalah berpandukan situasi kes yang diputuskan dan punca perbezaan keputusan yang dibuat adalah disebabkan ketiadaan statut atau peruntukan yang khusus.⁵⁵³ Pengkaji mendapati kebebasan hakim syarie dalam berijtihad untuk menentukan keputusan tanpa terikat dengan keputusan mahkamah lebih tinggi dan kepelbagaian pendapat mazhab dalam hal berkaitan kesahan hibah ini menjadi punca wujud kepada perbezaan keputusan mahkamah namun masih dalam ruang lingkup hukum syarak. Oleh itu, Pengkaji berpendapat bahawa amat perlu ada satu statut khusus bagi mengawal pemakaian hibah di negeri-negeri di Malaysia ini bagi mengelakkan pelbagai fahaman berkaitan hibah semakin melebar sehingga sukar dikawal.

c. Hibah Bercagar

Dalam perkara hibah bercagar, harta yang dihibahkan ialah harta yang dicagarkan kepada institusi kewangan kemudian dihibahkan kepada orang lain. Harta yang dicagarkan ini hanya boleh dihibahkan dengan kebenaran pemegang gadaian. Hibah harta bercagar ini diperlukan kerana kesukaran untuk mendapatkan hartanah secara tunai, namun pada masa

⁵⁵³ Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. "Keputusan Hakim Syarie dalam Kes-kes Pengesahan Hibah Mengenai Sighah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: UKM. Vol. 1. No. 1. p. 66.

sekarang perkara ini sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat kita. Dalam situasi ini jika hibah harta bercagar ini tidak dibenarkan untuk dilaksanakan, maka ia akan menghalang pemilik harta untuk menghibahkan harta yang terlibat kepada penerima yang ia dikehendaki.⁵⁵⁴

Hartanah bercagar merujuk kepada hartanah yang didaftarkan sebagai gadaian di bawah Borang 16A Kanun Tanah Negara bagi hartanah yang mempunyai dokumen hak milik individu atau hak milik strata; atau hartanah yang didaftarkan padanya surat ikatan penyerahan hak sekuriti bagi hartanah yang masih di bawah hak milik induk. Hartanah bercagar ini hanya akan dilepaskan daripada gadaian dan/atau surat ikatan penyerahan hak akan hanya dibatalkan selepas peminjam menyelesaikan segala pinjaman yang menjadikan hartanah tersebut sebagai jaminan sekuriti atas pinjaman yang diluluskan oleh sesebuah institusi kewangan, atau orang perseorangan. Justeru, pemilik hartanah bercagar tidak boleh melakukan transaksi pindah milik ke atas hartanah bercagar selagi pinjamannya tidak diselesaikan. Kekangan atau halangan ini adalah bagi menjamin keselamatan pinjaman yang dilepaskan oleh pihak pemegang gadaian, atau penerima serah hak.⁵⁵⁵

Pemilikan harta menurut Islam dibahagikan kepada dua (2) iaitu pemilikan secara sempurna dan pemilikan tidak sempurna. Pemilikan sempurna memberikan hak dan kebebasan kepada pemiliknya untuk melakukan sebarang urusan atau tasarruf terhadap harta yang dimilikinya. Manakala pemilikan secara tidak sempurna hanya memberikan hak

⁵⁵⁴ Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zamani & Rosamiza Meor Razak. 2019. "Analisis Tema terhadap Keperluan Undang-undang Hibah di Malaysia". *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 16. No. 1. Okt. p. 4.

⁵⁵⁵ Ahmad Termizi Abdullah. 2018. "Hibah Hartanah Bercagar: Prinsip, Aplikasi dan Pandangan Mahkamah". *Seminar Hibah Hartanah Bercagar*. Cheras. Kuala Lumpur. 17 Jul. p. 10.

yang terhad dan terbatas serta bergantung pada syarat-syarat yang tertentu.⁵⁵⁶ Harta bercagar merupakan harta yang belum sempurna pemilikannya kepada pemilik harta. Konsep cagaran sebagai jaminan yang diguna pakai oleh institusi kewangan memberi implikasi terhadap perancangan dan pengurusan ke atas harta bercagar tersebut kerana statusnya sebagai pemilikan tidak sempurna.⁵⁵⁷

Kajian mendapati harta dalam cagaran sebagai aset jual beli termasuk dalam masalah hukum *tasarruf* pemilik cagaran terhadap barang cagaran. Pengkaji mendapati wujud perbezaan pandangan mengenai *tasarruf* harta bercagar tanpa izin pemegang cagaran. Mazhab Hanafi berpendapat bahawa hak *tasarruf* itu adalah tergantung kerana terdapat hak pemegang cagaran ke atas harta bercagar tersebut. Mazhab Syafii dan Hanbali pula berpendapat bahawa *tasarruf* yang dilakukan oleh pencagar ke atas harta bercagar tanpa izin pemegang cagaran adalah dilarang dan *tasarruf* tersebut terbatal kerana harta bercagar menjadi jaminan (*wathiqat*) yang berada di bawah kuasa pemegang cagaran. Sementara menurut pandangan Mazhab Syafii, *tasarruf* yang dilakukan oleh pencagar ke atas harta cagaran dengan izin pemegang cagaran adalah sah, namun akad cagaran menjadi terbatal.⁵⁵⁸ Perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha telah memberi ruang kepada produk hibah bercagar ini diamalkan di Malaysia. Ini diperkukuhkan dengan hasil kajian yang mendapati bahawa fuqaha membenarkan hibah dibuat terhadap pemilikan harta yang tidak sempurna milik pemberi hibah. Walaupun demikian, kebenaran ini adalah tertakluk kepada kebenaran

⁵⁵⁶ Rositah Kambol. 2019. "Pengurusan Harta Orang Islam melalui Hibah: Isu dan Penyelesaian". *Journal of Law & Governance*. Melaka: Penerbit KUIM. Vol. 2. No. 1. p. 104.

⁵⁵⁷ Nurul Amira Mohamad & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. "Hibah Harta Bercagar menurut Perspektif Islam dan Pengamalan di Malaysia: Sorotan Literatur". *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2015* Bangi. Selangor. p. 61.

⁵⁵⁸ Mohd Nasran & Nik Abdul Rahim. 2009. "Surat Jaminan Pihak Bank: Hukum Menjadikannya sebagai Aset untuk Jual Beli dalam Pembiayaan". *Jurnal Muamalat*. Kuala Lumpur: JAKIM. Vol. 2. p. 153-169.

pihak yang mempunyai kepentingan terhadap harta tersebut. Kebenaran tersebut boleh diperoleh menerusi cara *ṣulḥ*, *ibrā'*, *ḍaman* atau *takaful* antara pemiutang dan penghutang harta. Apatah lagi, urusan pinjaman terutamanya perumahan dilindungi oleh insurans atau takaful iaitu *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT) atau *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) yang memudahkan mereka memperoleh semula wang mereka. Kini kebanyakan harta seperti rumah, kereta, wang simpanan, pelaburan unit amanah, pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB), simpanan Tabung Haji, simpanan akaun CDS (*Central Depository System*) atau saham syarikat boleh dihibahkan dengan kemunculan produk-produk yang diperkenalkan.⁵⁵⁹

Hal ini diperkukuhkan dengan keputusan dalam kes *Raihanah Mohd Ali lwn Kamaruddin Mohd Nor & Lain-Lain*,⁵⁶⁰ bahawa mahkamah mengiktiraf harta yang dibeli melalui skim *Baī' Bithaman 'Ajil* (BBA) atau seumpamanya adalah sah dengan syarat mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada penyedia skim ataupun pinjaman tersebut. Begitu juga dengan keputusan dalam kes *Shahirah Aimi Shahrudin lwn Siti Hawa Abu Talib & 1 Lagi*,⁵⁶¹ Mahkamah Rayuan Syariah telah memutuskan bahawa hibah si mati kepada Perayu adalah sah dan dibenarkan. Hibah harta bercagar ini adalah harus dan boleh diterima sebagai hibah yang sah dan boleh dikuatkuasakan dengan syarat elemen yang telah ditetapkan oleh hukum syarak, iaitu hibah tersebut telah mendapat persetujuan bank manakala harta bercagar tersebut hendaklah dilindungi oleh insurans yang bersesuaian dengan konsep hukum syarak atau takaful.

⁵⁵⁹ Rositah Kambol. 2019. "Pengurusan Harta Orang Islam melalui Hibah: Isu dan Penyelesaian". *Journal of Law & Governance*. Melaka: Penerbit KUIM. Vol. 2. No. 1. p. 105.

⁵⁶⁰ *Raihanah Mohd Ali v Kamaruddin Mohd Nor & Lain-Lain* [2008] 2 JH 253.

⁵⁶¹ *Shahirah Aimi Shahrudin lwn Siti Hawa Abu Talib & 1 Lagi*. Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan. Kes Mal (Rayuan) No.: 05000-044-0002-2014.

d. Hibah Hartanah

Hibah hartanah ialah pemberian hak milik tanah daripada seorang individu kepada individu yang lain dan termasuk dalam kategori urus niaga pindah milik. Urus niaga pindah milik mengikut prosedur undang-undang tanah perlu dilakukan bagi memastikan hibah hartanah itu sah. Urus niaga bermaksud mana-mana urus niaga yang melibatkan tanah beri milik yang dibuat di bawah kuasa yang diberi di bawah Bahagian IV, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).⁵⁶² Pihak-pihak perlu mendaftarkan urus niaga pindah milik itu di pejabat tanah melalui Borang 14A dan ia akan memberi kesan hak milik yang tidak boleh disangkal.⁵⁶³

Proses pindah milik di bawah KTN hanya melibatkan sama ada kontrak pindah milik akibat jual beli yang hukumnya harus dalam Islam, atau pindah milik akibat hibah. Proses pindah milik tanah dilihat tidak bercanggah dengan prinsip Islam namun perbezaan yang boleh dilihat ialah, KTN mementingkan penggunaan borang dan pendaftaran, manakala Undang-undang Islam pula mementingkan pematuhan kepada rukun dan syarat sah hibah.⁵⁶⁴ Konflik antara Undang-undang Islam dan Sistem *Torrens* akan timbul jika hibah yang telah disahkan oleh mahkamah syariah telah dipindah milik kepada penerima hibah itu kemudiannya ditarik balik terutama bagi kes hibah bapa atau ibu kepada anaknya. Hak milik penerima hibah menjadi tidak boleh disangkal apabila didaftarkan, dan penerima hibah tidak boleh dipaksa untuk memulangkan kembali harta yang dipindah milik di bawah KTN.⁵⁶⁵

⁵⁶² Malaysia. 1965. *Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)*. Seksyen 5.

⁵⁶³ *ibid.* Seksyen 340.

⁵⁶⁴ Rabi'ah Muhammad Serji & Rohimi Shapiee. 2018. "Isu dan Konflik Perundangan dalam Hibah Hartanah di Malaysia". *Jurnal Muwafaqat*. Selangor: Penerbit KUIS. p. 95-96.

⁵⁶⁵ *ibid.* p. 97.

Hal ini berbeza dengan hukum yang telah ditetapkan syarak Walaupun demikian, sebagaimana yang telah pun dibincangkan dan dinyatakan sebelum ini bahawa *jumhūr* fuqaha Mazhab Maliki, Syafii, Hanbali dan Zahiri bapa diharuskan untuk menarik balik hibah yang dibuat kepada anak kandungnya.⁵⁶⁶ Keadaan ini akan menyebabkan hak pemberi hibah terhadap harta tersebut tidak boleh dikembalikan semula kepadanya sekiranya dibantahi oleh penerima hibah walaupun dari sudut hukum syarak pemberi hibah mempunyai kuasa untuk menarik balik hibah tersebut.

e. Hibah Amanah

Hibah amanah merupakan hibah kasih sayang yang menggunakan kaedah kacukan integrasi, gabungan, hibrid (*hybrid*) atau cantuman antara hibah dan amanah. Harta hibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi hibah atau menurut persetujuan pihak-pihak tersebut apabila hibah ini dilakukan.⁵⁶⁷

Hibah ini secara prinsipnya menyamai hibah *‘umrā* dan *ruqbā* kerana sifat hibah ini bertujuan untuk memelihara hak pemberi dalam menggunakan dan mengurus harta tersebut sehingga dia meninggal dunia.⁵⁶⁸ Hibah amanah ini kebiasaannya digunakan dalam pelaksanaan hibah hartanah kerana kesukaran untuk menambah syarat-syarat tambahan semasa hibah mutlak. Syarat-syarat tertentu ini ditambah kepada akad hibah yang asal melalui instrumen amanah dengan menambah satu lagi akad selepas akad hibah.⁵⁶⁹

⁵⁶⁶ Al-Damiri, Muhammad bin Musa bin ‘Isa. 2004. *Al-Najm al-Wahhaj fi al-Syarḥ al-Minhā*. n.pl: Dār al-Minhāj. Vol. 5. p. 556-557.

⁵⁶⁷ Adilah Mohd Sa’afie & Mohd Zamro Muda. 2018. “Kepelbagaian Produk Hibah sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur”. *Al-Qanātir International of Islamic Studies*. USIM: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. Apr. p. 33.

⁵⁶⁸ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. “Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia”. *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 122-123.

⁵⁶⁹ Mohd Nasir Ali Aminuddin Adnan. 2016. “Hibah Amanah Hartanah”. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (Irsyad 2016)*. Shah Alam. Selangor Darul Ehsan. 10 Mei. p. 2159.

Perbezaan utama antara hibah mutlak dan hibah amanah adalah berkaitan dengan pemilikan harta hibah. Pemilikan harta dalam hibah mutlak hendaklah dipindahkan sepenuhnya kepada penerima hibah, dan pemberi hibah tidak lagi mempunyai hak atau kepentingan terhadap harta tersebut. Dalam perkara ini, penerima masih dapat menikmati faedah daripada harta tersebut walaupun harta berkenaan telah dipindahkan kepada benefisiari apabila menggunakan produk hibah amanah. Pelaksanaan hibah amanah ini dilakukan dengan mengubah beberapa ciri asal kontrak hibah dengan mengenakan syarat-syarat tertentu berdasarkan syarat *'umrā* dan *ruqbā* untuk meningkatkan keberkesanan perancangan hartanah alternatif.⁵⁷⁰

Hibah amanah mula mendapat tempat di Malaysia dalam pengurusan harta tanah Islam apabila Permodalan Nasional Berhad (PNB), melalui Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) memperkenalkan hibah amanah pada tahun 2013. Produk lain termasuklah Pri-Hibah oleh CIMB-Principal Asset Management Berhad; Hibah Harta *Trust* oleh CIMB Islamic Berhad; Pri-Hibah oleh As-Salihin Trustee Berhad; dan Hibah Amanah Raya oleh Amanah Raya Berhad (ARB).⁵⁷¹ Dalam Pri-Hibah, pemilik harta akan menyerahkan harta yang ingin dihibahkannya kepada pemegang amanah. Sekiranya pemilik harta meninggal dunia, harta tersebut tidak perlu difaraidkan dan boleh diserahkan terus kepada benefisiari yang dikehendakinya seperti yang termaktub dalam Deklarasi Hibah.⁵⁷²

⁵⁷⁰ Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Muhammad Hadi Abd Rahman & Siti Nurah Haron. 2016. "Re-Evaluating the Practice of Hibah Trust in Malaysia". *Humanomics*. Selangor: Emerald Publishing Limited. Vol. 32. No. 4. p. 426.

⁵⁷¹ *ibid.* p. 427.

⁵⁷² Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 125.

f. Dokumentasi Hibah

Dokumentasi hibah ialah penulisan dokumen hibah sebagai instrumen perancangan harta dan banyak dilaksanakan oleh firma guaman dan syarikat penyedia perkhidmatan perancangan harta.⁵⁷³ Dokumen hibah ini berperanan untuk memudahkan proses agihan harta pemilik yang telah meninggal dunia dan mengelakkan pertikaian antara penerima hibah dan ahli waris yang lain. Selain itu, dokumen hibah ini dibuat untuk memastikan pemberian harta tersebut tidak boleh dicabar oleh waris lain.⁵⁷⁴ Dokumen ini juga amat diperlukan sebagai keterangan untuk menjadikan proses pembuktian mengenai kewujudan hibah di mahkamah lebih mudah kerana pertikaian mengenai hibah sering kali berlaku terutamanya selepas kematian pemberi hibah.⁵⁷⁵

Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan hasil kajian bahawa dokumentasi hibah memainkan peranan penting dalam mengelakkan pertikaian berkaitan dengan harta selepas kematian penghibah.⁵⁷⁶ Pada dasarnya, permohonan pengesahan kes hibah di mahkamah syariah di Malaysia adalah berkaitan dengan kesahihan sesuatu hibah yang dibuat sebelum boleh dikuatkuasakan oleh pihak-pihak. Dalam hal ini tidak dinafikan bahkan sudah menjadi kebiasaan akan wujud pihak-pihak yang berkecenderungan untuk mencabar kesahihan hibah tersebut dengan membawa dakwaan bahawa hibah tersebut tidak dibuat

⁵⁷³ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM. p. 213.

⁵⁷⁴ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 122.

⁵⁷⁵ Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. "Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia". *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015 (PAFSPI 2015)*. Batam, Indonesia: Hotel Allium. 19 Dis. p. 355.

⁵⁷⁶ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 125.

secara dokumentasi.⁵⁷⁷ Peranan sebenar dokumentasi hibah ini dapat dilihat dalam kes *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah Baba lwn Meah Hussein*,⁵⁷⁸ dengan mahkamah mengisytiharkan rumah, tanah dan wang pampasan yang menjadi pertikaian dalam kes tersebut merupakan hibah berdasarkan surat hibah yang telah dibuat oleh arwah bapa angkatnya sebelum meninggal dunia.

Dokumen hibah ini kebiasaannya mengandungi maklumat berkaitan dengan rukun-rukun hibah dan dua orang saksi. Manakala *sīghat* hibah tersebut pula bergantung pada jenis hibah yang hendak dikuatkuasakan oleh pemberi sama ada mutlak atau bersyarat. Dokumentasi hibah boleh dibuat sendiri oleh pemberi hibah selain boleh juga dibuat dan diuruskan oleh peguam syarie. Selain dua cara berkenaan, dokumentasi hibah juga boleh dibuat oleh mana-mana syarikat amanah yang menawarkan perkhidmatan ini. Peguam dalam syarikat tersebut yang akan menguruskan penyediaan dokumen hibah.

Oleh sebab dokumentasi ini boleh disediakan oleh beberapa pihak yang mempunyai orientasi yang tersendiri, maka mereka menghasilkan dokumen hibah dengan format masing-masing yang menggambarkan identiti tersendiri (pengenalan diri masing-masing) yang melibatkan bentuk, nama dokumen, maklumat dan surat kuasa wakil. Contohnya, Wasiyyah Shoppe Berhad menyediakan dokumen hibah yang dinamakan sebagai Dokumen Pengisytiharan Hibah, manakala As-Salihin Trustee Berhad mengeluarkan dokumen yang disebut sebagai Deklarasi Hibah, sementara Zar Perunding Pusaka menghasilkan dokumen berkenaan dengan nama Surat Hibah.⁵⁷⁹

⁵⁷⁷ Umar A. Oseni. 2012. "Shari'ah Court-annexed ADR: The Need for Effective Dispute Management in Waqf, Hibah and Wasiyyah Cases in Malaysia". *Persidangan Pegawai Syariah Malaysia*. Langkawi. p. 7.

⁵⁷⁸ *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah Baba lwn Meah Hussein* [2005] 1 JH 164.

⁵⁷⁹ *ibid.* p. 34.

Hibah boleh dilaksanakan melalui dua cara iaitu sama ada secara lisan mahupun secara bertulis. Sekiranya pengesahan hibah tersebut tidak disahkan di mahkamah syariah terlebih dahulu, maka hibah tersebut tidak boleh dikuatkuasakan dan bersifat sia-sia. Oleh yang demikian, setiap dakwaan berkaitan dengan hibah yang difailkan di mahkamah syariah sama ada secara lisan mahupun secara dokumen, akan diterima dan dibicarakan terlebih dahulu sebelum hibah tersebut disahkan dan dikuatkuasakan. Mahkamah memutuskan sesebuah kes berdasarkan rukun-rukun yang digariskan dalam agama Islam dengan meneliti dan membuat pemerhatian terhadap setiap rukun yang ada. Untuk memastikan sesuatu hibah itu sah dan boleh dikuatkuasakan, hibah tersebut perlulah memenuhi segala rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh syarak, misalnya barang yang dihibah (*al-mawhūb*) itu mestilah berada dalam pemilikan pemberi hibah (*al-wāhib*).⁵⁸⁰

Dokumentasi hibah ini sebenarnya boleh dibuat sendiri oleh pemberi hibah sekiranya pemberi hibah mempunyai pengetahuan berkaitan dengan hibah. Selain itu, dokumentasi hibah ini juga boleh disediakan dan diuruskan oleh peguam syarie sekiranya pemberi hibah tidak berkemampuan untuk menyediakan dokumentasi hibah ini sendiri. Selain kedua-dua cara ini, dokumentasi hibah juga boleh dibuat melalui syarikat amanah dengan peguam dalam syarikat berkenaan yang akan menyediakan dokumentasi hibah. Dokumen hibah yang disediakan oleh pelbagai pihak iaitu secara individu; peguam atau firma guaman; dan syarikat amanah telah menerbitkan bentuk-bentuk hibah dengan ciri-ciri tersendiri yang melibatkan maklumat dan surat kuasa wakil yang terkandung di dalamnya. Lanjutan daripada ini maka terhasillah dokumen-dokumen hibah dengan pengenalan tersendiri

⁵⁸⁰ Nurul Najwa Saad, Mohd Zaidi Daud & Mohd Norhusairi Mat Hussin. 2023. "Penghakiman Hibah di Mahkamah Syariah: Tinjauan terhadap Kes-Kes yang Diputuskan dalam Jurnal Undang-Undang Terpilih Tahun 2014 hingga 2019". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: DBP. Vol. 35. No. 2. p. 343.

seperti Dokumen Pengisytiharan Hibah oleh Wasiyyah Shoppe Berhad; Deklarasi Hibah oleh As-Salihin Trustee Berhad; dan Surat Hibah oleh Zar Perunding Pusaka.⁵⁸¹

Tidak dinafikan bahawa dokumen hibah ini telah memberi impak yang amat positif kepada masyarakat kerana dapat menunaikan hasrat pemberi hibah, yang pada masa yang sama industri perancangan dan pengurusan harta orang Islam turut mendapat manfaat. Kajian telah membuktikan bahawa dokumen-dokumen hibah yang dikeluarkan ini, walaupun dikeluarkan oleh syarikat-syarikat swasta, boleh dijadikan sebagai bukti yang kukuh tentang wujudnya transaksi hibah antara pihak-pihak.⁵⁸² Kini dokumentasi hibah berkembang ke satu tahap yang lebih maju apabila terdapat syarikat penyedia perkhidmatan yang berinovasi dengan menyediakan dokumen hibah secara dalam talian.⁵⁸³ Contohnya, Wasiyyah Shoppe Berhad (WSB) telah memperkenalkan sistem dokumen hibah digital yang dikenali sebagai UsraHDD iaitu sebuah aplikasi pelaksanaan akad dan penyimpanan dokumen hibah tanpa kertas. Pemberi dan penerima hibah boleh berada di mana-mana sahaja lokasi di seluruh dunia yang mempunyai capaian internet, manakala akad hibah pula boleh dilaksanakan secara waktu sebenar (*real-time*) melalui telefon bimbit menerusi aplikasi UsraHDD ini.

Proses akad hibah tetap selamat kerana disertakan dengan proses pengenalan diri e-KYC yang menggunakan kaedah kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence-AI*) yang terkini dan hanya mengambil masa kurang daripada 15 minit. Dokumen hibah akan disimpan secara digital dalam sistem awan (*cloud*) selepas akad disempurnakan; dan

⁵⁸¹ *ibid.*, p. 34.

⁵⁸² Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Kedudukan Dokumen Hibah berdasarkan Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah". *Prosiding Cabaran Pengajian Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0*. KUIPSAS. Pahang, 25-26 Sept. pp. 130-134.

⁵⁸³ Hazwan Faisal Mohamad. 2020. "Lancar Aplikasi Hibah dalam Talian". *Harian Metro*. Seksyen Bisnes. Kuala Lumpur. 13 April. p. 21.

pendokumentasian hibah lengkap secara hujung ke hujung (*end to end*) secara dalam talian sepenuhnya.⁵⁸⁴ Sebagai respons bagi inovasi ini, perkara yang penting ialah pematuhan rukun hibah dalam proses membangunkan e-Hibah tersebut dan tertakluk kepada pematuhan undang-undang semasa yang berkuat kuasa,⁵⁸⁵ sebagai pematuhan tanpa kompromi.

3.7.2. Prinsip Hibah di Institusi Perbankan Islam

Prinsip hibah bukanlah satu prinsip utama yang digunakan dalam pembinaan produk perbankan Islam. Prinsip utama dalam membentuk produk perbankan Islam adalah seperti kontrak-kontrak jual beli (*al-bā'ī*), sewaan (*al-ijārah*), gadaian (*al-rahn*), syarikat (*al-syarīkah*), perkongsian untung rugi (*al-mudārabah*) dan simpanan (*al-wadī'ah*).⁵⁸⁶ Prinsip hibah hanya digunakan sebagai suatu prinsip sampingan dalam kontrak utama. Contohnya menggunakan konsep hibah sebagai satu bentuk insentif, dividen atau sugu hati oleh pihak bank untuk menarik pelanggan atau bakal pelanggan agar menyimpan wang atau membuat tabungan di dalam akaun simpanan dan semasa di perbankan Islam berdasarkan konsep *wadī'ah yad damānah* berbanding konsep faedah yang digunakan dalam sistem konvensional. Prinsip hibah ini digunakan untuk mengelakkan pembayaran dividen yang menyerupai bayaran faedah, manakala jumlah, bentuk dan peratus pembayarannya adalah mengikut budi bicara bank.⁵⁸⁷

⁵⁸⁴ Essa Abu Yassim. 2023. "Wasiyyah Shoppe Perkenal Sistem Hibah dalam Talian Sepenuhnya". *Berita Harian Seksyen Usahawan*. Kuala Lumpur. 22 Feb. p. 21.

⁵⁸⁵ Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. 12 Ogos 2021. *Pengesahan Rukun Hibah Bagi Proses Penyediaan Dokumen Hibah Secara Atas Talian (e-Hibah)*. <https://ifatwa.kedah.gov.my>. Diakses pada 10 Jan 2024.

⁵⁸⁶ Abdul Halim El-Muhammady. 2005. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Bangi: Fakulti Undang-undang UKM. p. 89-201.

⁵⁸⁷ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM. p. 71-73.

Selanjutnya penggunaan hibah dalam produk *al-Ijārat̃ Thumma al-Bāi'* (AITAB) yang merupakan gabungan dua konsep iaitu *ijārat̃* (sewaan) dan *bāi'* (beli). *Ijārat̃* merupakan satu kontrak yang membawa kepada pemindahan hak milik manfaat sesuatu barang dengan bayaran dalam tempoh yang telah dipersetujui.⁵⁸⁸ Manakala *bāi'* pula ialah satu kontrak pertukaran barangan antara dua pihak yang memberi hak pemilikan kepada pihak-pihak tersebut.⁵⁸⁹ Kedua-dua akad ini dibuat secara berasingan dan pembelian aset dianggap sebagai satu bentuk janji oleh penyewa pada akhir tempoh sewaan nanti.⁵⁹⁰ Hibah diberikan kepada mereka sebagai satu bentuk insentif dalam usaha menggalakkan pelanggan AITAB mematuhi jadual pembayaran bulanan.

Begitu juga dalam produk *Qard̃ al-Ḥasan* yang bermaksud kontrak hutang terhadap sesuatu yang bernilai dengan pembayaran balik kadar yang sama. *Qard̃ al-Ḥasan* merujuk kepada pinjaman tanpa faedah yang diberikan kepada peminjam untuk kebajikan.⁵⁹¹ Peminjam hanya dikehendaki membayar hutangnya berdasarkan jumlah yang dipinjam sahaja dan bank tidak dibolehkan untuk meminta sebarang bayaran lebih. Walau bagaimanapun, pihak peminjam adalah bebas dan digalakkan untuk membayar dengan kadar yang lebih daripada jumlah tersebut atas dasar budi bicaranya kepada pihak bank. Lebihan yang diberikan secara sukarela oleh pihak peminjam ini dianggap sebagai hibah dan diharuskan dalam syarak.⁵⁹²

⁵⁸⁸ Abdul Halim El-Muhammady. 2005. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Bangi: Fakulti Undang-undang UKM. p. 170.

⁵⁸⁹ Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1999. '*Aqad al-Bāi'*'. Damsyiq: Dār al-Qalam. pp. 21-23.

⁵⁹⁰ Nabil A. Saleh. 1986. *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law: Riba, Gharar and Islamic Banking*. Cambridge: University Press. p. 99.

⁵⁹¹ Nor Mohd Yakop. 1996. *Teori Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Bhd. p. 93.

⁵⁹² Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM. p. 74.

Prinsip hibah juga dilaksanakan dalam produk pembiayaan peribadi berasaskan hibah bersyarat yang melibatkan dua akad dalam transaksi ini iaitu akad hibah dan akad jual beli. Pelanggan akan menghibahkan sesuatu barang kepada bank dan setelah berlaku *qabd* atau penerimaan, pelanggan akan membeli semula barang tersebut dengan harga tertangguh. Bank pula akan menghibahkan barangan yang dimilikinya kepada pelanggan dan pihak bank akan membeli semula barangan tersebut secara tunai setelah berlaku *qabd*, maka secara tidak langsung pelanggan akan mendapat tunai daripada pihak bank. Maksud dan kehendak pihak-pihak akan tercapai melalui transaksi ini dan ia diharuskan kerana berlaku dua transaksi yang berbeza ke atas dua barangan yang berbeza antara bank dan pelanggan.⁵⁹³

Konsep hibah juga digunakan dalam instrumen pembiayaan peribadi dengan pihak bank merupakan pemiutang yang menyediakan wang tunai untuk dihibahkan kepada pelanggan. Situasi ini adalah sebagai pertukaran untuk barang berharga tertentu yang perlu diberikan kepada bank dalam masa pembayaran tertangguh. Pada dasarnya, ia merupakan kontrak jualan antara pihak-pihak yang berkontrak. Walaupun ganjaran yang dikehendaki itu tidak ditentukan, namun bank boleh meminta ganjaran tertentu seperti platinum untuk mengelakkan pertikaian dengan pelanggan mereka.⁵⁹⁴ Operasi hibah ini tidak termasuk dalam penipuan kerana ia juga seperti *qard* iaitu terus kepada sumber syariah dan tidak melanggar mana-mana prinsip syariah yang telah ditetapkan.⁵⁹⁵ Pembiayaan hutang

⁵⁹³ Abdel Wadoud Moustafa Moursi El-Seoudi, Mohd Nazir Alias, Mohd Nasran Mohamad & Amir Husin Mohd Nor. 2012. "The Introduction of Conditional Hibah as Islamic Financial Instruments". *Journal of Economy Theory*. El-Sevier B.V: Science Direct. Vol. 6. No. 1. p. 40-41.

⁵⁹⁴ Shahinaz Zakaria & Amir Fazlim Jusoh@Yusoff. 2016. "Prospek Hibah Bersyarat sebagai Instrumen Pembiayaan Peribadi Islam". *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016*. Bangi: UKM. p. 723.

⁵⁹⁵ Amir Fazlim Yusoff, Mat Noor Mat Zain, Salmi Edawati Yaacob, Hanira Hanafi, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Abdul Mu'min Mohammad Idrus & Muhammad Shahir Ridzuan Md Razi. 2016. "Islamic Personal Financing Instruments in the Malaysian Banking Industries: Issues and Alternatives". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: UKM. Vol. 1. No. 1. p. 34-36.

berasaskan hibah boleh menjadi alternatif bagi mengatasi kemusykilan yang ditimbulkan terhadap pembiayaan hutang yang berasaskan kepada *al-'Inaʿt* dan *al-Tawarruq*.

Konsep hibah juga dipakai dalam akad kontrak *Ijarat Muntahiyat bi al-Tamlīk* (IMBT) yang merupakan satu akad pembiayaan berasaskan sewaan dan diakhiri dengan proses memindah milik rumah yang disewa kepada penyewa. Produk pembiayaan perumahan menggunakan kaedah ini pada asasnya lebih sesuai ditawarkan kepada pembelian rumah bagi kategori rumah yang telah siap dibina sahaja. Hibah boleh berfungsi pada peringkat terakhir pembiayaan tersebut kerana pembiayaan ini merupakan satu akad pembiayaan yang berakhir dengan pemilikan ataupun pindah milik. Proses hibah berlaku setelah tempoh sewaan yang dipersetujui tamat, yang kemudiannya bank akan memilih untuk menghibahkan rumah tersebut kepada pelanggan bagi membolehkan pelanggan yang sebelum itu menyewa rumah tersebut, mempunyai hak pemilikan sempurna ke atas rumah. Justeru, pemilikan manfaat sahaja sebelum itu telah bertukar menjadi pemilikan manfaat dan fizikal rumah yang dibiayai.⁵⁹⁶

3.7.3. Prinsip Hibah dalam Industri Takaful

Perniagaan takaful di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu takaful keluarga dan takaful am.⁵⁹⁷ Takaful keluarga merupakan akad insurans nyawa versi Islamik bertujuan untuk melindungi peserta daripada kemalangan dan kematian. Takaful keluarga juga bersifat simpanan dengan setiap peserta akan diberi ganjaran dalam bentuk perolehan simpanan bersama keuntungan pada akhir tempoh matang. Takaful am pula meliputi semua

⁵⁹⁶ Mohd Sollehudin Shuib, Hydzulkifli Hashim, Mohd Adib Abd Muin & Raudzatul Jannah Ezahar. 2015. "Aplikasi Hibah dalam Produk Pembiayaan Perumahan Secara Islam". *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: UUM. p. 5-6.

⁵⁹⁷ Malaysia. 1984. *Akta Takaful 1984*. Seksyen 3(1)(a).

aspek perlindungan yang menawarkan perlindungan daripada kerugian atau risiko yang timbul daripada kemalangan, atau kerosakan dan kehilangan harta benda.⁵⁹⁸ Hibah takaful ialah pemberian hibah daripada pemberi hibah kepada penerima hibah selepas pemberi hibah meninggal dunia. Harta yang dihibahkan adalah hak manfaat takaful yang penerima hibah akan terima jika pemberi hibah meninggal sebelum sijil takaful itu matang. Dengan adanya *ijāb* hibah ini, manfaat takaful tadi terkeluar daripada takrifan harta pusaka dan manfaat hibah ini diberikan kepada penerima hibah sebagaimana yang dikehendaki oleh pemberi hibah. Hibah ini diberi pengiktirafan apabila disahkan oleh undang-undang dalam Jadual 10, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013).⁵⁹⁹

Kajian mendapati pengenalan APKI 2013 memberikan kesan terhadap pengagihan manfaat takaful khususnya berkaitan dengan penamaan dan hibah. Akta ini telah memperkukuhkan kedudukan penamaan sebagai pemegang amanah dan penerima hibah.⁶⁰⁰ Prinsip hibah dalam industri takaful digunakan dalam kebanyakan produk takaful keluarga yang membolehkan peserta takaful menggunakan hibah sebagai salah satu cara untuk mengagihkan manfaat takaful kepada penama (penerima hibah). Prinsip hibah juga diaplikasikan sebagai salah satu struktur daripada model produk takaful itu sendiri, khususnya yang melibatkan bentuk takaful pendidikan anak-anak.

Pertama: Prinsip hibah yang diaplikasikan semasa membayar manfaat takaful ketika berlaku kematian dalam tempoh caruman iaitu sebelum sijil takaful tersebut matang.

⁵⁹⁸ Mohd Daud Bakar. 2004. "Konsep dan Operasi Takaful: Antara Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996". Dlm. *Syariah dan Undang-undang Suatu Perbandingan*. Zaini Nasohah et al. Kuala Lumpur: Utusan Publication. p. 209.

⁵⁹⁹ Ahmad Termizi Abdullah. 2018. "Hibah Hartanah Bercagar: Prinsip, Aplikasi dan Pandangan Mahkamah". *Seminar Hibah Hartanah Bercagar*. Cheras. Kuala Lumpur: n.pb. 17 Jul. p. 5.

⁶⁰⁰ Mohd Khairy Kamarudin & Suhaili Alma'amun. 2013. "Implikasi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ke atas Industri Takaful di Malaysia: Tumpuan kepada Penamaan dan Hibah Manfaat Takaful". *Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions 2013 (SeIPTI 2013)*. n.pl: n.pb. p. 9.

Aplikasi hibah terhadap manfaat takaful adalah bagi memastikan bahawa bayaran atau wang manfaat tersebut dapat diserahkan kepada keluarga terdekat pencarum tanpa perlu terikat kepada peraturan pusaka. Hibah ke atas manfaat takaful diharuskan selagi ia adalah hak yang dimiliki oleh peserta takaful berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPSBNM). Hibah tersebut merupakan hibah bersyarat, iaitu penama akan memiliki manfaat tersebut apabila peserta takaful meninggal dunia. Sebaliknya jika peserta masih hidup ketika berakhirnya tempoh matang, sijil takaful tersebut akan menjadi milik peserta dan bukannya penama menyerupai syarat *ruqbā* iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang hidup.⁶⁰¹

Walaupun demikian, amalan di syarikat pengendali takaful adalah berbeza apabila dilakukan secara mutlak iaitu manfaat takaful yang dihibah kepada benefisiari yang dinamakan itu adalah mutlak, dan tidak boleh ditarik balik sekalipun hibah oleh seorang bapa kepada anaknya. Kaedah ini diguna pakai dalam semua produk takaful keluarga di Etiqa Takaful Sdn. Bhd. Contoh lain adalah sebagaimana dalam Pelan Takaful Ikhlas terdapat satu borang yang dipanggil Borang Hibah selain Borang Penama. Setiap nama dalam borang ini ialah waris yang layak menerima wang pampasan tersebut. Borang Hibah juga mengecualikan wang pampasan daripada hukum faraid.

Kedua: Hibah sebagai struktur produk takaful itu sendiri dengan cara peserta takaful yang dinamakan dalam produk takaful itu merupakan benefisiari yang menerima hibah itu. Ini berlaku apabila ibu atau bapa menjadi pencarum kepada anaknya dalam produk-produk

⁶⁰¹ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM. p. 74-75.

takaful pelajaran. Modus operandi hibah jenis ini mudah difahami kerana pembayar menjadi penyumbang dengan membayar jumlah tertentu setiap bulan sehingga tempoh matang sebagai caruman untuk kepentingan anaknya iaitu benefisiari. Apabila caruman mencapai tempoh matang, maka wang caruman simpanan tersebut berserta keuntungannya, sekiranya ada, akan diserahkan kepada anak berkenaan. Begitu juga segala manfaat daripada hasil penyertaannya dalam produk-produk takaful ini juga akan menjadi hak miliknya. Aplikasi ini berlaku dalam produk-produk takaful yang bersifat simpanan pendidikan di Etiqa dan Ikhlas.⁶⁰²

Hibah yang diaplikasikan ke atas manfaat takaful akan diperoleh setelah berlakunya kematian peserta takaful dan boleh dituntut tanpa melalui proses tuntutan pusaka. Pengendali takaful dikehendaki membayar manfaat takaful kepada penama yang ditentukan oleh peserta takaful. Pengenalan APKI 2013 telah mengiktiraf hibah bersyarat untuk digunakan dalam pengagihan manfaat takaful.⁶⁰³ Hibah yang ditawarkan dalam takaful merupakan hibah bersyarat berbentuk *ruqbā*. Seterusnya, kontrak hibah berkuat kuasa setelah berlakunya kematian peserta takaful sebelum tamat tempoh matang polisi. Pemberi hibah boleh membatalkan atau menarik kembali hibah yang diberikan kepada penerima hibah jika pemberi hibah masih hidup dan belum mencapai tempoh matang polisi kerana kontrak hibah tidak boleh ditarik balik setelah berlakunya penyerahan *qabd*.⁶⁰⁴ Pelaksanaan

⁶⁰² *ibid.* p. 74.

⁶⁰³ Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2017. "Kedudukan Hibah Bersyarat dalam Produk Takaful: Sorotan Literatur". *Al-Qanātir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 8. No. 1. Dis. p. 39.

⁶⁰⁴ Siti Rashidah Ismail & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha". *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Kajang: Penerbit Akademia Baru. Vol. 15. No.1. Mei. p. 67.

prinsip hibah ini bersandarkan keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPSBNM) yang memutuskan bahawa hibah manfaat takaful adalah diharuskan.⁶⁰⁵

3.7.4. Hibah dalam Industri Pasaran Modal Islam

Prinsip hibah ini turut digunakan sebagai aplikasi sokongan dalam pembinaan dan penstrukturan produk-produk pasaran modal Islam yang semakin berkembang di Malaysia. Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mewujudkan satu Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang dianggotai oleh lapan orang ahli dengan fungsinya sebagai badan rujukan utama berkaitan dengan perjalanan dan pematuhan aktiviti pasaran modal Islam bagi memastikannya selari dengan prinsip syariah. Sebagai contoh, MPS Suruhanjaya Sekuriti telah memutuskan untuk menerima pakai prinsip hibah *ruqbā* sebagai asas syariah dalam pelaksanaan Borang Akaun Hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit amanah.⁶⁰⁶ Ia sebagai jalan penyelesaian yang boleh mengelakkan daripada berlakunya pertikaian sekiranya salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia.

MPS Suruhanjaya Sekuriti telah memutuskan untuk menerima pakai prinsip hibah dengan syarat balasan dalam menstrukturkan bon Islam.⁶⁰⁷ Prinsip hibah dengan syarat balasan ini ialah prinsip sokongan dan sebagai salah satu penyelesaian bagi mengelakkan pembelian hutang dengan hutang. Sebagai contoh, dalam penstrukturan bon Islam bersandarkan aset, pihak pemilik asal aset boleh menjual haknya berbentuk kewangan untuk menerima bayaran belum terima dengan disertakan hibah terhadap hak miliknya ke atas hartanah tertentu kepada syarikat bertujuan khusus (SPV). Akad hibah dalam struktur ini

⁶⁰⁵ n.a. 2007. *Shariah Resolution in Islamic Finances*. n.pl: Bank Negara Malaysia. pp. 27-28.

⁶⁰⁶ n.a. 2006. Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. n.pl: Suruhanjaya Sekuriti. p. 141.

⁶⁰⁷ *ibid.* p. 146.

adalah akad sokongan kepada akad utama iaitu jual beli hak kewangan yang dimiliki oleh pemilik asal kepada SPV.⁶⁰⁸

MPS Suruhanjaya Sekuriti telah memutuskan untuk menerima pakai prinsip *baī‘ ‘urbūn*⁶⁰⁹ iaitu bayaran wang pendahuluan yang dibayar oleh pembeli kepada penjual dalam semua akad jual beli. Sekiranya jual beli diteruskan, maka wang tersebut akan menjadi sebahagian daripada harga barangan. Namun jika sebaliknya, wang tersebut hendaklah dianggap sebagai hibah kepada penjual.⁶¹⁰

3.8. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Hibah

Malaysia memakai dwi sistem iaitu mahkamah sivil dan mahkamah syariah dalam urusan pentadbiran keadilan negara. Setiap mahkamah mempunyai bidang kuasa yang berbeza dan hanya berbidang kuasa terhadap perkara yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Jelas berdasarkan Perlembagaan Persekutuan,⁶¹¹ dan bidang kuasa berkaitan dengan hibah diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Manakala Perlembagaan Persekutuan⁶¹² telah memperuntukkan mengenai kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang hibah dalam jadual di atas kecuali Parlimen telah diberi kuasa untuk membuat undang-undang di Wilayah Persekutuan. Setiap negeri mempunyai satu peruntukan statutori yang menyentuh bidang kuasa mahkamah syariah mengenai hibah dalam akta, enakmen atau ordinan pentadbiran agama Islam dan mahkamah syariah.

⁶⁰⁸ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM. p. 233.

⁶⁰⁹ n.a. 2006. Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. n.pl: Suruhanjaya Sekuriti. p. 38.

⁶¹⁰ Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 2004. *Al-Madkhal al-Fiqhī al-'Am*. Damsyiq: Dār al-Qalam. Vol. 1. p. 565-566.

⁶¹¹ Malaysia. n.d. *Perlembagaan Persekutuan*. Jadual Kesembilan. Senarai 2. Senarai Negeri.

⁶¹² *ibid*. Perkara 74 (2).

Peruntukan berkaitan dengan hibah hanya dinyatakan secara umum dalam akta, enakmen atau ordinan negeri-negeri tersebut dan menggunakan istilah yang berbeza dan tidak selaras antara negeri-negeri.⁶¹³ Kelantan⁶¹⁴ dan Sabah⁶¹⁵ menggunakan perkataan “alang hayat” namun memasukkan perkataan (hibbah) atau (hibah) bagi menerangkan maksud alang tersebut. Manakala Sarawak pula menggunakan perkataan “alang semasa hidup” namun memasukkan perkataan (hibah) bagi menerangkan maksud alang tersebut.⁶¹⁶ Pahang pula menggunakan perkataan “pemberian semasa hidup” yang memberi maksud hibah.⁶¹⁷ Hanya Negeri Sembilan sahaja yang mengguna pakai istilah hibah bagi memberi maksud hibah itu sendiri.⁶¹⁸ Manakala negeri seperti Pulau Pinang,⁶¹⁹ Wilayah Persekutuan,⁶²⁰ Terengganu,⁶²¹ Johor,⁶²² Selangor,⁶²³ Kedah,⁶²⁴ Melaka⁶²⁵ Perak⁶²⁶ dan Perlis menggunakan istilah “alang semasa hidup” atau “alang hayat” bagi memberi maksud hibah.

⁶¹³ Nurul Huda Ahmad Razali, Fadhilah Abdul Ghani, Nurul Farhanah Mohd Nasir & Munirah Selamat. 2018. “Tinjauan Hibah dalam Undang-undang Pentadbiran Harta Islam di Malaysia: Masalah dan Solusi”. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Kota Bharu: Academic Inspired Network. Vol. 3. No. 15. Dis. p. 13.

⁶¹⁴ Dewan Undangan Negeri Kelantan. 1998. *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Kelantan) 1998*. Seksyen 9(2)(b)(vi).

⁶¹⁵ Dewan Undangan Negeri Sabah. 2004. *Enakmen Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 2004*. Seksyen 11(3)(b)(vi).

⁶¹⁶ Dewan Undangan Negeri Sarawak. 2001. *Ordinan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak) 2001*. Seksyen 10(3)(b)(vi).

⁶¹⁷ Dewan Undangan Negeri Pahang. 1991. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pahang) 1991*. Seksyen 47(2)(b)(v) dan (vi).

⁶¹⁸ Dewan Undangan Negeri Sembilan. 2003. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003*. Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi).

⁶¹⁹ Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. 2004. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004*. Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi).

⁶²⁰ Malaysia. 1993. *Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)*. Seksyen 46(b)(vii).

⁶²¹ Dewan Undangan Negeri Terengganu. 2001. *Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001*. Seksyen 11(3)(b)(v) dan (vi).

⁶²² Dewan Undangan Negeri Johor. 2003. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003*. Seksyen 61(3) (b)(v) dan (vi).

⁶²³ Dewan Negeri Selangor. 2003. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*. Seksyen 61(3)(b)(v) dan (vi).

⁶²⁴ Dewan Undangan Negeri Kedah. 2008. *Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008*. Seksyen 13(3)(b)(vi).

⁶²⁵ Dewan Undangan Negeri Melaka. 2002. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002*. Seksyen 49(3)(b)(v) dan (vi).

⁶²⁶ Dewan Undangan Negeri Perak. 2004. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 2004*. Seksyen 50(3)(b)(v) dan (vi).

Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati kesemua peruntukan yang dinyatakan bagi setiap negeri di atas adalah sumber bidangkuasa umum yang memperuntukkan kuasa untuk Mahkamah Syariah mendengar kes-kes hibah. Sekiranya terdapat pertikaian berkaitan hibah yang dibuat maka kes tersebut hendaklah di bawa ke hadapan mahkamah untuk diputuskan. Selain daripada peruntukan tersebut tiada peruntukan lain di dalam Akta/Enakmen/Ordinan lain yang menjelaskan tentang hibah secara khusus kecuali negeri Kelantan. Apabila mahkamah menerima tuntutan berkaitan dengan hibah, pengesahan hibah itu ditentu sah berdasarkan keterangan rukun hibah dan syarat sah yang digariskan dalam Islam.⁶²⁷ Rukun-rukun ini telah digunakan dalam perbicaraan kesemua kes hibah semasa mahkamah syariah menentukan kesahan sesuatu hibah tersebut.

Setakat kajian ini ditulis, hanya negeri Kelantan yang telah mewujudkan dan menwartakan undang-undang hibah melalui Enakmen Hibah (Kelantan) 2022. Walaubagaimanapun, Enakmen Hibah (Kelantan) 2022 ini perlu diberi peluang untuk dilaksanakan terlebih dahulu kerana ianya baru sahaja diwartakan dan memerlukan masa untuk dinilai keberkesanannya. Enakmen Hibah (Kelantan) 2022 ini boleh dijadikan model dan panduan bagi mewujudkan undang-undang hibah yang khusus bagi negeri-negeri yang masih belum mempunyai undang-undang seumpama itu namun penambahbaikan perlu dibuat jika perlu. Sebagai contoh, Borang 1 Jadual Kedua, Enakmen Hibah Kelantan 2022 itu perlu ditambah baik dengan memasukkan ruangan dan lafaz *qabūl* kerana tidak disediakan sedangkan *sīghat* hibah ditafsikan sebagai lafaz *tjāb* dan *qabūl*.⁶²⁸

⁶²⁷ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Garis Panduan Penentuan Kesahan Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah". *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2016*. Bangi: UKM. p. 34-35.

⁶²⁸ Negeri Kelantan. Enakmen Hibah 2022. Seksyen 2.

Namun begitu, kebaikan yang ada dalam enakmen ini adalah seorang Pendaftar hendaklah dilantik mengikut jajahan yang bertindak sebagai pengawal kepada setiap hibah yang dibuat dan hibah tersebut perlu didaftarkan di Kelantan.⁶²⁹ Hal ini kerana kewujudan undang-undang seumpama ini mampu mengawal dan menyeragamkan pemakaian hibah di suatu negeri tertentu khususnya dan amnya seluruh Malaysia sekiranya memakai model yang sama.

Walaupun begitu, suatu amalan atau kaedah hibah boleh diwujudkan di negeri-negeri yang belum mempunyai undang-undang yang bersifat penyelesaian sementara dan jangka pendek. Amalan hibah itu dikuatkuasa melalui pengeluaran Arahan Amalan oleh Ketua Hakim Syarie negeri. Pengeluaran arahan amalan ini akan mengikat pelaksanaan hibah dinegeri tersebut dengan sehingga enakmen berkaitan hibah diwujudkan. Tindakan ini penting untuk dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang permasalahan dalam pelaksanaan hibah itu sendiri.

Kepelbagaian institusi yang menawarkan produk hibah telah mewujudkan perbezaan dari segi produk, pengurusan hibah dan dokumentasi hibah⁶³⁰ berdasarkan pelbagai pandangan ulama dan mazhab. Hal ini berlaku akibat daripada tafsiran hukum syarak yang terlalu umum iaitu Undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf.⁶³¹ Keadaan ini telah dibuktikan dengan berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan, antaranya:

⁶²⁹ Ibid. Seksyen 15.

⁶³⁰ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. Apr. p. 48.

⁶³¹ Malaysia. 1993. *Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)*. Seksyen 2.

- i. Kajian Nurul Syahirah Othman, et al. mendapati hakim syarie mempunyai pandangan yang pelbagai berdasarkan pegangan hukum syarak berkaitan dengan analisis keputusan hakim syarie dalam kes hibah bersyarat.⁶³²
- ii. Kajian Nurul Syuhadah Azalan dan Noor Lizza Mohamed Said pula mendapati terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan hakim syarie dalam memutuskan kes pengesahan hibah walaupun dalam isu yang sama berkaitan dengan isu *ijāb* dan *qabūl*.⁶³³
- iii. Selain itu, kajian Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said mendapati terdapat perbezaan pandangan daripada hakim syarie dalam membuat keputusan kes-kes pengesahan hibah mengenai isu hibah *ruqbā* semasa meluluskan pengesahan hibah.⁶³⁴

Ada dua indikator yang boleh dikaitkan berdasarkan keadaan di atas dengan yang pertama ialah, amalan pemberian hibah telah diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat. Kedua, perbezaan pandangan berkaitan dengan kesahan hibah dalam kalangan hakim bicara adalah disebabkan tiada undang-undang khusus. Hal ini diperkukuhkan lagi apabila mahkamah syariah juga tidak mengaplikasikan doktrin “ikatan duluan” seperti amalan mahkamah sivil. Pengkaji mendapati telah banyak kajian yang mencadangkan supaya undang-undang hibah dipinda seperti kajian oleh Fadhilah Abdul Ghani dan Ahmad

⁶³² Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2017. “Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia”. *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM. Vol. 39. No. 2. p. 135.

⁶³³ Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. “Keputusan Hakim Syarie dalam Kes-kes Pengesahan Hibah mengenai Sighah”. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: UKM. Vol. 1. No. 1. p. 55.

⁶³⁴ *ibid.* p. 91.

Razali;⁶³⁵ Abdul Rashid et al.;⁶³⁶ Adli dan Mohamed Said;⁶³⁷ Md Yunos;⁶³⁸ R. Muda;⁶³⁹ Nor Muhamad;⁶⁴⁰ dan Nor Muhamad et al.⁶⁴¹

Prinsip hibah juga telah digunakan dalam sektor kewangan Islam, takaful dan amanah. Walau bagaimanapun berdasarkan pemerhatian dan tinjauan pengkaji, tidak terdapat peruntukan-peruntukan yang menyentuh prinsip hibah pada statut-statut yang mengawal selia aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan Islam. Persoalan timbul sama ada mahkamah syariah boleh mendengar tuntutan pengesahan satu-satu hibah ataupun tidak sekiranya berlaku bantahan dalam kalangan ahli waris.⁶⁴² Permasalahan yang timbul ini hendaklah dirujuk kepada mahkamah sivil. Hal ini berdasarkan *status quo*⁶⁴³ perundangan bagi sistem perbankan Islam di Malaysia adalah dikawal selia oleh Akta Bank Negara 2009; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan juga Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Bahkan Akta Bank Negara 2009 telah mewajibkan mahkamah sivil, penimbang tara, BNM mahupun institusi perbankan Islam untuk membuat rujukan dan mendapat nasihat Majlis Penasihat Syariah bagi sebarang isu syariah yang timbul. Jawapan kepada rujukan isu

⁶³⁵ Abdul Ghani, F., & Ahmad Razali, N. 2018. "Legal Review On Hibah (Inter Vivos Gift) In Malaysia: Problems And Solutions." *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*. European Publisher. p. 908.

⁶³⁶ Abdul Rashid, R., Hassan, S. A., Yaakub, N. I. 2013. "A Need For Legal Framework Of Gift Inter Vivos (Hibah) In Malaysian Estate Planning." *International Journal of Business, Economics and Law*. Bangi: UKM. Vol. 2 No. 3. Jun. p. 31.

⁶³⁷ Amirul Adli & Noor Lizza Mohamed Said. 2018. "Keperluan Saksi dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah di Mahkamah Syariah". *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: Penerbit UKM. Vol. 3. No. 2. p. 20–27.

⁶³⁸ Abdul Rahman Md Yunos. 2015. "Hibah Dari Perspektif Aplikasi Undang-Undang Syariah Di Malaysia." *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: Universiti Utara Malaysia. 19-20 Mei. p. 6.

⁶³⁹ Resali Muda. 2016. "Harta Pusaka Islam Di Malaysia: Antara Perundangan Dan Pentadbiran." *Malaysian Journal of Syariah and Law*. Nilai: Penerbit USIM. Vol. 4. No. 3. p. 9.

⁶⁴⁰ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2015. "Cabaran Aplikasi Hibah Di Malaysia." *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: Universiti Utara Malaysia. 19-20 Mei. p. 10

⁶⁴¹ Mohd Khairy Kamarudin, Norlela Zaman & Rosamiza Meor Razak et al. 2019. "Analisis Tema terhadap Keperluan Undang-undang Hibah di Malaysia". *Al-Qanatir International of Islamic Studies*. Nilai: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 16. No. 1. Okt. p. 1.

⁶⁴² Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2008. "Bidang Kuasa Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam. UM. Vol. 16. No. 2. p. 9.

⁶⁴³ *Status quo* berasal daripada terma Latin iaitu; *in statu quo res erant ante bellum* yang bermaksud keadaan semasa sebelum berlakunya perubahan. Perkataan *status quo* boleh ditafsirkan sebagai situasi dan keadaan semasa yang sedang berlaku atau berlangsung.

tersebut dijawab oleh pihak Majlis Penasihat Syariah dalam bentuk resolusi syariah bersifat mengikat pihak-pihak yang terlibat.⁶⁴⁴

Selain itu, turut timbul persoalan yang berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah syariah untuk mendengar kes-kes hibah yang dipraktikkan di institusi kewangan seperti Bank Islam, CIMB Bank mahupun ke atas syarikat-syarikat amanah yang menawarkan produk hibah.⁶⁴⁵ Dalam konteks persoalan ini, mahkamah syariah hendaklah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan kesahan hibah yang dibuat oleh institusi kewangan dan syarikat amanah tersebut. Pendekatan menentukan bidang kuasa ini boleh dilihat berdasarkan dua elemen iaitu orang Islam (*person*) dan perkara (*subject matter*) berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai Negeri seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Manakala dalam persoalan produk hibah amanah, pengkaji berpendapat pendekatannya adalah berbeza dalam menentukan mahkamah yang berbidang kuasa.

Hibah amanah merupakan kacukan antara hibah dan konsep amanah. Apabila hibah dilakukan, harta hibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan hanya diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi hibah atau menurut persetujuan pihak-pihak tersebut.⁶⁴⁶ Sekiranya penyempurnaan akad hibah ini dibuat secara berasingan dengan pelantikan pemegang amanah, maka sebarang pertikaian yang berkaitan dengan kesahan hibah boleh dibicarakan di mahkamah syariah. Hibah amanah ini dicipta bagi memelihara hak pemberi sekiranya penerima mengabaikan pemberi, oleh yang demikian satu akad

⁶⁴⁴ Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom. 2017. "Status Quo Perundangan Majlis Penasihat Syariah dalam Kerangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Sistem Perbankan Islam di Malaysia Selepas Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*. Bangi: UKM. Vol. 21. p. 69.

⁶⁴⁵ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2008. "Bidang Kuasa Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM. Vol. 16. No. 2. p. 9.

⁶⁴⁶ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. "Kepelbagaian Produk Hibah sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur". *Al-Qanatr International of Islamic Studies*. USIM: Penerbit Usuli Faqih Research Centre PLT. Vol. 10. No. 1. Apr. p. 33.

berasingan dibuat bagi membolehkan pemberi menggunakan dan mengurus harta sehingga dia meninggal dunia yang secara prinsipnya menyamai hibah *'umrā* dan *ruqbā*.⁶⁴⁷

Pelantikan pemegang amanah dilaksanakan sejurus selesai peringkat pertama yang bertujuan untuk menguruskan harta tersebut. Pada peringkat ini, surat ikatan amanah ditandatangani oleh pemberi hibah, penerima hibah dan pemegang amanah. Pelbagai syarat dimasukkan ke dalam surat ikatan amanah ini berdasarkan persetujuan pihak-pihak termasuklah syarat *'umrā* dan *ruqbā*. Barang hibah akan dipindah milik kepada pemegang amanah yang menjadi pemilik secara perundangan dan penerima hibah merupakan pemilik secara benifisial. Permasalahan yang timbul adalah berpunca daripada pelantikan pemegang amanah dibuat berdasarkan konsep amanah yang telah digubal di bawah bidang kuasa mahkamah sivil seperti Akta Syarikat Amanah 1952; Akta Pemegang Amanah 1949 atau seumpamanya. Oleh sebab pelantikan pemegang amanah tersebut dibuat berdasarkan Akta Pemegang Amanah 1949, maka sudah tentu tindakan dan punca kuasa hendaklah dirujuk kepada mahkamah sivil jika berlaku sebarang permasalahan.

Pandangan ini diperkukuhkan dengan suatu keputusan mahkamah rayuan dalam kes *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin*⁶⁴⁸ yang telah memutuskan bahawa undang-undang yang terpakai berhubung dengan amanah di Malaysia ialah undang-undang sivil tidak kira sama ada pihak itu orang Islam atau bukan Islam.⁶⁴⁹ Walaupun perkara amanah tersebut juga ada dinyatakan dalam Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan namun tiada sebarang akta atau enakmen

⁶⁴⁷ Alias bin Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. pp. 122-123.

⁶⁴⁸ *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 3 CLJ 616.

⁶⁴⁹ Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. "Pelaksanaan Hibah Amanah sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia". *Jurnal Kanun*. Kuala Lumpur: DBP. p. 96.

berkaitan dengan amanah secara khusus telah digubal. Peruntukan yang ada di mahkamah syariah hanya peruntukan berkaitan dengan penjaga hakiki bagi harta kanak-kanak; pelantikan oleh mahkamah; pemecatan; dan takat kuasa penjaga tersebut terhadap harta kanak-kanak tersebut sahaja.

Dalam pada itu apabila isu ini dilihat dari perspektif hukum syarak, jika penerima hibah tersebut seorang individu yang gila atau seorang kanak-kanak yang belum *mumaiyīz*, maka *qabūl* atau penerimaan dan *qabd* hibah tersebut boleh dilakukan oleh wali mereka. Wakil kepada bapa juga boleh mengambil peranan wali jika ketiadaan bapa yang boleh menjaga harta tersebut.⁶⁵⁰ Hal ini bersesuaian dengan peruntukan yang menyatakan bapa kandung merupakan penjaga yang hakiki kepada diri dan harta kanak-kanak yang terlibat. Undang-undang juga telah memperuntukkan susunan penjaga mengikut turutan untuk kanak-kanak tersebut sekiranya bapa kanak-kanak berkenaan telah meninggal dunia termasuklah menjelaskan syarat-syarat kelayakan bagi penjaga kepada kanak-kanak terbabit dan hartanya hendaklah seorang Islam, dewasa, siuman dan boleh dipercayai.⁶⁵¹

Mahkamah juga diberi kuasa untuk melantik penjaga bagi kanak-kanak tersebut dalam keadaan orang yang telah ditetapkan meninggal dunia dan tiada wasi dilantik⁶⁵² termasuklah melantik ibu kanak-kanak tersebut sebagai penjaga,⁶⁵³ atau melantik ibu kanak-kanak tersebut bersama orang lain sebagai penjaga.⁶⁵⁴ Kuasa mahkamah tersebut tidaklah terhad setakat melantik dan memecat penjaga⁶⁵⁵ sahaja, bahkan boleh mengehadkan kuasa penjaga demi kebajikan kanak-kanak tersebut. Mahkamah boleh

⁶⁵⁰ Al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 1982. *Kasasyāf al-Qannā 'an Matni al-Iqnā'*. Beirūt: Dār al-Fikr. Vol. 4, p. 301.

⁶⁵¹ Malaysia. 1984. *Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)*. Seksyen 88.

⁶⁵² *ibid.* Seksyen 90.

⁶⁵³ *ibid.* Seksyen 91.

⁶⁵⁴ *ibid.* Seksyen 92.

⁶⁵⁵ *ibid.* Seksyen 94.

memerintahkan jumlah tertentu sebagai jaminan akan melaksanakan kewajipan sebagai penjaga dengan sewajarnya.⁶⁵⁶ Selain itu, mahkamah juga boleh melarang penjaga daripada menjual, menggadaikan, menggadaikan janji, menukar, ataupun dengan cara lain melepaskan milik harta kanak-kanak itu.⁶⁵⁷ Sekiranya pelantikan penjaga harta dalam mana-mana hibah dibuat di bawah peruntukan Akta 303 maka isu pelantikan penjaga tersebut juga boleh diselesaikan di mahkamah syariah.

Jelaslah di sini bahawa mahkamah syariah hendaklah berbidang kuasa mendengar serta memutuskan kesahan sesuatu hibah yang dilakukan sama ada secara lisan ataupun secara dokumentasi hibah berdasarkan bidang kuasa yang diberi kepada mahkamah syariah termasuklah dokumentasi hibah yang dibuat oleh institusi, syarikat mahupun bank. Namun bagi produk yang menggunakan prinsip hibah dalam sistem perbankan Islam di Malaysia, hendaklah dirujuk kepada Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan mahkamah sivil sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Bank Negara 2009; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan juga Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 termasuklah pertikaian berkaitan dengan pemegang amanah yang dilantik di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.

3.9. Rumusan

Hibah ialah suatu akad pemberian milik *'am* harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan semasa hidup dan secara sukarela. Hibah dikategorikan kepada dua kategori iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat. Hibah bersyarat pula dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian; hibah bersyarat *'umrā* dan *ruqbā*. Prinsip hibah bersyarat juga dijadikan sebagai aplikasi sokongan dalam produk perbankan,

⁶⁵⁶ ibid. Seksyen 95.

⁶⁵⁷ ibid. Seksyen 96.

takaful dan pasaran modul Islam. Selain itu, pemberian hibah secara dokumentasi dengan menggunakan pelbagai *sīghat* hibah seperti hibah mutlak, hibah bersyarat, hibah bercagar atau hibah amanah semakin meluas diguna pakai dan dilaksanakan.

Mahkamah syariah adalah berbidang kuasa untuk memutuskan kesahan sesuatu dokumentasi hibah tersebut kecuali isu Akta Pemegang Amanah 1949 dan produk hibah yang dibuat di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Di samping itu, perbahasan ini telah mengenal pasti konsep hibah menurut fiqh dan undang-undang termasuklah bidang kuasa mahkamah dan pemakaiannya di Malaysia. Perbahasan ini telah berjaya menyempurnakan objektif dan persoalan kajian pertama serta kedua seperti mana yang telah diketengahkan sebelum ini. Dengan itu, pengkaji akan membahaskan prinsip pembuktian dokumen persendirian dan pemakaian doktrin kebolehterimaan keterangan dokumen persendirian dalam prosiding perbicaraan kes-kes hibah di mahkamah syariah berdasarkan peruntukan undang-undang.